

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DENGAN DATO' SRI EIZLAN
YUSOF, ANAK SENI TANAH AIR, MENGENAI SUMBANGAN DAN
PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG LAKONAN**

NAMA PELAJAR: IZZA MAISARA BINTI MOHD KAMAL

(2021113881)

NAMA PELAJAR: KAMILIA KARMILA BINTI KAMARULARIFFIN

(2021114397)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022-OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI ABREVIASI.....	iii
RUJUKAN KATA	iv
1.0 BIODATA PENEMUBUAL.....	1
1.1 PENEMUBUAL 1	1
1.2 PENEMUBUAL 2	2
1.3 BIODATA TOKOH YANG DIPILIH.....	3
2.0 PENGENALAN	5
2.1 PENDAHULUAN	5
2.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	5
2.3 PERMASALAHAN KAJIAN	5
2.4 OBJEKTIF KAJIAN.....	6
2.5 PERSOALAN KAJIAN.....	6
2.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	6
3.0 TINJAUAN LITERATUR	8
4.0 METODOLOGI.....	9
4.1 PENDEKATAN KAJIAN	9
4.2 PESERTA KAJIAN.....	9
4.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA	9
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL.....	10
6.0 LOG TEMUBUAL.....	69
7.0 HASIL KAJIAN	72
7.1 Latar Belakang Tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof	72
7.2 Sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof sebagai Pengarah.....	73
7.3 Pencapaian dan Cabaran Tokoh Dalam Bidang Seni Lakonan	73

8.0 INDEKS.....	75
9.0 GLOSARI.....	76
10.0 RUJUKAN.....	77
11.0 LAMPIRAN	78
11.1 Lampiran 1 – Surat Perjanjian	78
11.2 Lampiran 2 – Soalan Temubual.....	79
11.4 Lampiran 3 – Diari Kajian	87
11.5 Lampiran 4 – Gambar	90

ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Dengan Dato' Sri Eizlan Yusof, Anak Seni Tanah Air, Mengenai Sumbangan Dan Pengalaman Beliau Dalam Bidang Lakonan

Abstrak: Transkrip ini mengandungi hasil temubual bersama Dato' Sri Eizlan Yusof yang merupakan seorang pelakon terkenal di tanah air. Sesi temubual yang berdurasi selama 2 jam 41 minit ini dijalankan oleh dua orang pelajar Universiti Teknologi MARA Kelantan Cawangan Machang iaitu, Izza Maisara Binti Mohd Kamal dan Kamilia Karmila Binti Kamarulariffin. Transkrip ini mempamerkan serba sedikit berkenaan latar belakang seorang pelakon terkenal di tanah air, Dato' Sri Eizlan Yusof yang bermula kerjaya sebagai pelakon di usia muda sehinggalah menjadi salah seorang pelakon yang terkenal di Malaysia. Selain menceritakan latar belakang beliau, transkrip ini juga memfokuskan pengalaman sepanjang beliau berkecimpung dalam bidang lakonan. Selain itu, mengenalpasti tentang penglibatan, pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang pendidikan. Kesemua topik ini dipamerkan melalui proses temubual bersama Dato' Sri Eizlan Yusof melalui beberapa siri soalan yang dirangka untuk merungkai topik yang dinyatakan.

Kata Kunci: Kerjaya Artis, Industri Seni, Pelakon, Anak Seni, Malaysia

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat kami menyempurnakan tugas kumpulan kajian sejarah lisan bagi subjek “Oral Documentation” (IMR604) ini dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh pilihan kami, iaitu Dato’ Sri Eizlan Yusof di atas jasa baik beliau yang sudi mengorbankan masa dalam menjayakan sesi temubual untuk melengkapkan kajian sejarah lisan ini . Di samping itu, kami juga ingin berterima kasih kepada pensyarah kami, Madam Anis binti Abdullah atas budi bicara beliau dalam memberi tunjuk ajar sepanjang kami menjalankan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

**SENARAI ABREVIASI
SINGKATAN MAKSUD**

3F	Food Industry, Fashion Industry & Film Industry
APM	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
CEO	Chief Executive Officer
COVID-19	Coronavirus disease 2019
CSR	Corporate Social Responsibility
DIMP	Darjah Indera Mahkota Pahang
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
FIT	Federal Institute of Technology
G2G	Government to Government
IT	Information Technology
JV	Joint Venture
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MAPIM	Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia
MASSCOMM	Communication and Media Studies
MCO	Movement Control Order
MIA	Missing in Action
MIDAS	Midas Surplus Management Sdn Bhd
MIDFCCS	MIDF Consultancy and Corporate Service Sdn Bhd
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MNC	Multinational Corporation

MOFA	Ministry of Foreign Affairs / Kementerian Hal Ewhwal Luar Negeri
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PhD	Doctor of Philosophy
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PR	Public Relation
RTM	Radio Televisyen Malaysia
Sdn Bhd	Sendirian Berhad
SIHE	Swansea Institute of Higher Education
SM	Sekolah Menengah
SOP	Standard Operating Procedure
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SSAP	Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TV	Television
TVC	Television Commercial
UK	United Kingdom
UNITAR	Universiti Tun Abdul Razak
US	United States
UUM	Universiti Utara Malaysia

RUJUKAN KATA

Ambik	Ambil
Bagitahu	Beritahu
Bawak	Bawa
Blah	Pergi
Dia orang	Mereka
Je/ Saja	Sahaja
Kak	Kakak
Kau orang	Kalian

Kita orang	Kita/ Kami
Mak	Ibu
Nak	Mahu/ Ingin
Pasal	Sebab
Tak	Tidak
Takde/ Tak ada	Tiada
Takpe/ Tak apa	Tidak mengapa

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL 1



Nama : Izza Maisara Binti Mohd Kamal
Alamat : Lot 934 P,Cengal Lapan Durian Burung 20050 Kuala Terengganu.
Nombor Telefon : 011-11557868
Emel : izzamaisaramk@gmail.com
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem
Maklumat (IM 245)

1.2 PENEMUBUAL 2



Nama : Kamilia Karmila Binti Kamarulariffin
Alamat : Lot 113, Kampung Saring, Pintu Pupuh, Jalan Machang, 16800 Pasir
Puteh, Kelantan
Nombor Telefon : 014-5017000
Emel : KamiliaKarmila00@gmail.com
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem
Maklumat (IM 245)

1.3 BIODATA TOKOH YANG DIPILIH



Nama : Dato' Sri Eizlan Yusof
Tarikh Lahir : 14 Julai 1971
Tempat Lahir : Kuala Lumpur
Alamat : Jalan PJS 8/10, Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Nombor Telefon : 03 - 5622 2976
Hobi : Boling dan selam skuba

Pendidikan:

Rendah

1. Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Temerloh, Kuala Lumpur (Darjah 1 – 6)

Menengah

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Vivekananda Brickfields, Kuala Lumpur

Pendidikan Tinggi

1. Swansea Institute of Higher Education
2. Diploma Pengurusan Perniagaan Kolej Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur.

3. Diploma Kejuruteraan Elektronik Federal Institute of Technology [F.I.T]

Kerjaya:

1. Pelakon Tanah Air

Anugerah:

1. Pelakon Pembantu Filem Lelaki Terbaik - Anugerah SKRIN TV3, 97/98
2. Pelakon Lelaki Harapan - Anugerah Festival Filem Malaysia Ke-14
3. The Most Handsome Artiste 1996 - Voted by readers of Media Hiburan magazine.
4. The Best Magazine Cover 1996 - Voted by readers of Media Hiburan magazine.
5. The Most Handsome Artiste 1998 - Voted by readers of Media Hiburan magazine.
6. The Most Handsome Artiste 1999 - Voted by readers of Media Hiburan magazine.
7. CLEO's Most Talked-About Man in Town 2000 - Voted by readers of CLEO magazine.
8. Malaysia's 50 Most Gorgeous People 2000 - Voted by FEMALE magazine.
9. Asian Most Promising Actor - 24th Chunsa Film Awards: Chunsa Asia Awards 2019, South Korea.
10. Nona Men's Celebrity Achievement Award - Nona Superhero Award 2021.

Anugerah Kebesaran Negara/Negeri:

1. Pingat Pertabalan Yang Di Pertuan Agong XI (Selangor), 1999.
2. Pingat Jubli Emas Pemerintahan 50 Tahun Kedah, 2008.
3. Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP), 2010 yang membawa gelaran Dato'
4. Pingat Pertabalan Yang Di Pertuan Agong XIV (Kedah), 2012.
5. Pingat Pertabalan Raja Perak XXXV, 2015.
6. Pingat Pertabalan Yang Di Pertuan Agong XV (Kelantan), 2017.
7. Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP), 2017 yang membawa gelaran Dato' Sri
8. Pentauliahannya Leftenan Kolonel BERSEKUTU Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, 2018.
9. Pentauliahannya Kolonel BERSEKUTU Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, 2019.
10. Pentauliahannya PENOLONG PESURUHJAYA BERSEKUTU Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, 2011.

2.0 PENGENALAN

2.1 PENDAHULUAN

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sejarah lisan adalah kaedah di mana kenangan seseorang tokoh telah dicatatkan dalam suatu wawancara. Tokoh yang terpilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbangkan maklumat sejarah dari penglibatan dan pengalaman mereka sendiri, atau kerana hubungan langsung mereka dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara kemudian disalin dan setelah selesai disemak dan ditaip ianya boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang latar belakang artis yang memfokuskan kepada artis veteran iaitu Dato' Sri Eizlan Yusof yang merupakan seorang pengkarya yang hebat dalam seni filem tanah air. Kajian tentang artis veteran ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada generasi muda tentang jasa dan sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof dalam seni tanah air yang mana Dato' Sri Eizlan Yusof juga merupakan pengarah, penerbit dan juga pelakon dalam drama-drama tanah air.

2.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini akan memfokuskan kepada seorang artis veteran yang juga merupakan seniman yang berkarya dalam seni perfileman negara iaitu Dato' Sri Eizlan Yusof. Dato' Sri Eizlan Yusof atau nama sebenarnya ialah Idris Md Yusof yang merupakan seorang pengarah, penerbit dan juga pelakon dalam seni perfileman tanah air. Kajian ini akan memfokuskan kepada sumbangan beliau dalam seni perfileman tanah air di Malaysia. Dato' Sri Eizlan Yusof merupakan seorang Pengerusi, Midas Surplus Management Sdn. Bhd. 2012 sehingga kini dan juga Ahli Perbadanan, dan juga Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) 2020 - Disember 2021 yang telah banyak menerbitkan filem dan drama TV.

2.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan telah mencetuskan pelbagai kemelut di dalam industri kreatif hiburan tanah air. Sama ada dalam industri muzik atau perfileman, ada sebahagian daripada kemelut ini yang masih belum lagi menemui kesudahan terutama dalam isu bayaran drama dan isu bayaran royalti. Ketika aktiviti penggambaran dibekukan kerana Perintah Kawalan Pergerakan selama beberapa bulan lamanya, ramai penggiat seni perfileman yang terpaksa bergelut untuk kelangsungan hidup. Hal

ini banyak memberi kesan kepada banyak pihak terutamanya jugak kepada artis-artis veteran yang kini kian dilupakan.

Isu yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah berkaitan dengan artis veteran tanah air di Malaysia yang semakin terhakis disebabkan generasi kini sudah tidak berminat dengan karya seniman agong. Identiti Melayu sukar untuk diterapkan dalam seni perfileman Malaysia berikutan kurangnya generasi muda Melayu yang tahu mengenai seni dan budaya bangsa. Hal ini kerana generasi muda hari ini tidak pernah diajar untuk menghargai budaya sendiri. Mereka sudah dicuci dan dibasuh untuk melihat apa yang ada di luar budaya mereka itu sebagai lebih baik.

2.4 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang latar belakang kehidupan Dato' Sri Eizlan Yusof sebagai seorang penggiat seni iaitu pelakon dan pengarah Malaysia. Berikut adalah tujuan penyelidikan:

- i. Untuk mengkaji tentang latar belakang tokoh veteran iaitu Dato' Sri Eizlan Yusof.
- ii. Untuk menganalisis tentang sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof sebagai pengarah
- iii. Untuk mengenalpasti pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang seni lakonan

2.5 PERSOALAN KAJIAN

Bagaimanakah kehidupan tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof, sebagai seorang penggiat seni lakonan.

Berikut adalah persoalan kajian:

- i. Bagaimana latar belakang tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof?
- ii. Apakah sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof sebagai pengarah tanah air?
- iii. Apakah pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang seni lakonan?

2.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk menambahkan koleksi-koleksi sumber primer tentang industri lakonan. Hal ini adalah demikian kerana kurangnya aktiviti pendokumentasian yang melibatkan warisan seni lakonan di negara kita. Kebanyakannya sumber bertulis yang ditulis tidak menyeluruh dan hanya mencatat apa yang difikirkan perlu sahaja sedangkan ianya perlu dicatat selengkap peristiwa tersebut. Selain itu,kepentingannya untuk mengenali tentang artis veteran iaitu Dato' Sri Eizlan Yusof yang merupakan seorang pengarah, penerbit dan pelakon dalam drama dan filem TV. Selain itu, kajian ini juga untuk memberi perkongsian tentang sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof dalam dunia seni tanah air yang banyak

memberi jasa kepada filem tanah air. Beliau juga bergiat aktif dalam aktiviti luar antaranya ialah *Humanitarian Aid Mission to Palu, Central Sulawesi* (Indonesia).Kajian ini mampu memberi manfaat kepada masyarakat untuk terus mengenali dan tidak melupakan artis veteran yang banyak memberi sumbangan kepada industri filem di Malaysia.

Di Malaysia, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber sejarah yang sedia ada sangat penting untuk mengekalkan kualiti sejarah warisan tersebut. Oleh itu, ianya penting untuk mengambil apa jua keterangan bertulis supaya boleh dijadikan sebagai sumber sejarah di negara kita dan seterusnya didedahkan kepada generasi akan datang agar mereka dapat mengetahui dan memahami apa yang terjadi dan mengapa ianya terjadi.

3.0 TINJAUAN LITERATUR

Tujuan tinjauan literatur ialah hasil kajian berkaitan buku, artikel dan penulisan dalam proses yang membawa kepada perbincangan dan ringkasan terhadap kajian masa lalu yang telah dijalankan oleh para penyelidik yang relevan dan berkait dengan bidang penyelidikan (Naeem, 2020).

Filem adalah satu wadah dan alat berhubung mengenai hal ehwal yang berkaitan dengan keperluan awam (khalayak massa). Filem juga adalah medium elektronik bergambar yang mula-mula diperkenalkan kepada masyarakat sebelum terciptanya televisyen. Namun ianya berbeza dengan radio kerana filem dapat menyampaikan sesuatu mesej dengan gabungan bunyi dan gambar (Asiah, Faridah dan Mazni, 2009). Menurut Hashim, Aziz dan Ibrahim (2014), keadaan industri perfileman di Malaysia boleh dikatakan sudah beralih dari suatu keadaan yang dilihat tidak baik pada suatu masa dahulu kepada suatu keadaan yang semakin baik kebelakangan ini.

Menurut Kamus Melayu Educalingo (2020), seseorang yang kreatif, atau inovatif, atau mahir dalam sesuatu bidang seni adalah definisi bagi seseorang seniman atau lebih dikenali dengan gelaran artis. Berdasarkan pandangan ahli sejarah seni dan pengkritik seni, artis adalah seseorang yang menghasilkan seni dalam batas-batas yang diakui. Pada awal tahun 1980-an, istilah atau gelaran artis telah digunakan. Ini adalah untuk menggantikan istilah seniman dan seniwati kerana ia lebih menarik dan megikut peredaran zaman. Perkataan artis telah diambil dari Bahasa Inggeris yang membawa maksud seniman. Artis membawa banyak maksud, iaitu pelakon, penari, penyanyi atau pemuzik dan pelukis. Seni adalah karya yang dicipta dengan bakat, iaitu hasil daripada sesuatu ciptaan halus dan karya seni yang mempunyai nilai keindahan dan memberikan kepuasan cita rasa kepada peminatnya. Sebagai contoh, lukisan, muzik, puisi dan ukiran.

Walaupun industri perfileman menyumbang dari segi perkembangan budaya dan kreativiti negara, namun pada hakikatnya kerjaya industri perfileman lebih bersifat 'sementara' dan kurang diberikan perhatian sewajarnya dalam masyarakat (Mohd Adnan et al., 2011). Menerusi kajian seperti ini, banyak manfaat boleh diperolehi sebagai usaha berterusan menerokai peluang dan alternatif baru untuk memperkasakan pengurusan modal insan dalam industri perfileman yang bersifat realistik. Kajian ini juga diharap menjadi platform berkesan untuk pemantapan strategi, pembentukan hala tuju, pengukuhan organisasi dalam pembangunan pengurusan modal insan secara holistik. Tambahan pula dapat membantu pihak yang berkaitan dapat memastikan rakyat bekerja dalam suasana persekitaran yang memberangsangkan demi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

4.0 METODOLOGI

4.1 PENDEKATAN KAJIAN

Kaedah penyelidikan sejarah lisan adalah dilakukan secara temubual serta analisa dokumen dan maklumat. Tokoh yang dipilih menetapkan tarikh dan masa bagi menjalankan temubual iaitu pada 4 Julai 2022, jam 10 malam. Kaedah dilakukan secara atas talian dan menggunakan platform *Google Meet*. Temubual dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai latar belakang dan kerjaya tokoh dalam industri seni. Soalan-soalan ditanyakan semasa temubual berlangsung. Terdapat 128 soalan yang merangkumi beberapa bahagian dan majoriti soalan tersebut adalah berkaitan pengalaman tokoh dalam industri seni. Selain itu, kaedah analisa dokumen dan maklumat digunakan dalam penyelidikan adalah untuk merujuk, mengenalpasti serta memahami tentang industri seni. Beberapa bahan digunakan untuk rujukan adalah kajian literatur, akhbar atas talian serta laman sesawang yang berkait dengan industri seni.

4.2 PESERTA KAJIAN

Tokoh yang dipilih ialah Dato' Sri Eizlan Yusof yang merupakan seorang pelakon veteran di Malaysia. Beliau dipilih kerana beliau telah lama terlibat dalam industri seni sebagai seorang pelakon. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam menulis skrip serta sebagai pengarah. Sebagai seorang pelakon yang telah terlibat dalam pelbagai drama, filem dan lain-lain, beliau pasti mempunyai pengalaman yang beliau boleh kongsi semasa temubual. Sedikit latar belakang mengenai beliau ialah beliau telah dilahirkan pada tahun 1971 di Kuala Lumpur. Beliau pernah memenangi anugerah Pelakon Lelaki Harapan semasa Anugerah Festival Filem Malaysia ke-14. Selain berlakon, beliau juga terlibat dalam bidang bisnes.

4.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Sepanjang menjalankan kajian, data utama yang diperoleh ialah melalui sumber primer iaitu hasil daripada temubual bersama tokoh. Proses temubual dijalankan dengan menanyakan soalan-soalan mengenai latar belakang dan pengalaman tokoh dalam industri seni tanah air. Soalan tersebut terbahagi kepada beberapa bahagian dan kesemuanya adalah berkaitan tokoh. Namun, majoriti soalan yang disediakan ialah mengenai kerjaya serta pengalaman tokoh, terutamanya dalam bidang lakonan. Disebabkan beberapa kekangan, temubual tidak dapat dilakukan secara bersemuka. Sebaliknya, temubual dijalankan secara atas talian iaitu dengan menggunakan platform *Google Meet*. Dengan cara ini, temubual dapat dilakukan dengan mudah.

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis tanah air. Bersama-sama kami ialah Yang Hormat Dato' Sri Eizlan Yusof yang merupakan seorang pelakon dan pengarah. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 4 Julai 2022 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 10 malam melalui Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Izza Maisara dan Kamilia Karmila. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

KK : Bolehkah Dato' Sri ceritakan tentang latar belakang Dato' Sri bermula dengan siapakah nama sebenar Dato' Sri?

DSEY : Okey, nama sebenar saya, Idris Bin Md Yusof, M-D,I-D-R-I-S bin Y-U-S-O-F. Okey saya dilahirkan di Kuala Lumpur[Malaysia] pada 14 hari bulan Julai, 1971, jangan lupa *birthday*[hari jadi] abang, dalam lagi seminggu lebih lagi. *Alright* [baiklah] lahir di Kuala Lumpur[Malaysia] mak berasal dari Negeri Sembilan,Rembau. Ayah, Kuala Lumpur [Malaysia], mempunyai lima orang adik-beradik, abang anak kedua dalam *family* [keluarga], satu perempuan iaitu kakak, kak long dan juga nombor dua,tiga,empat dan nombor lima adalah lelaki.

KK : Berapakah usia Dato' Sri sekarang?

DSEY : Kalau 1971, sekali lagi *birthday* [hari jadi] , 14 haribulan 7, jangan lupa akan masuk insya-Allah akan masuk 51 tahun.

KK : Dimanakah Dato'Sri dibesarkan?

DSEY : Saya dibesarkan di Kuala Lumpur [Malaysia], lahir Kuala Lumpur [Malaysia],dibesarkan di Kuala Lumpur,bersekolah di Kuala Lumpur [Malaysia], bermastautin pun di Kuala Lumpur [Malaysia] sehingga ke hari ini.

KK : **Berapa lama Dato'Sri telah menetap di Kuala Lumpur?**

DSEY : Sejak lahir (ketawa).

KK : **Bersama siapa Dato'Sri menetap di sana?**

DSEY : Saya membesar dengan arwah nenek iaitu ibu kepada mak sehingga umur lebih dalam kurang dalam empat hingga lima tahun lepas itu mak ambik, daripada nenek pasal untuk sekolah dan sebagainya. Lepas itu, pada umur abang sebelas tahun, apa itu, mak dan ayah berpisah jadi abang kembali duduk dengan nenek sehinggalah pada tahun 1991, yang mana nenek meninggal dan abang duduk dengan apa itu, arwah ayah [lah]. Sampailah dia meninggal 1996 dan lepas itu, duduk bujang sampailah kahwin, dan bila kahwin itu duduk *berfamily*[berkeluarga] dan sehingga ke hari ini.

KK : **Siapakah nama ibu bapa Dato'Sri?**

DSEY : Ramlah Binti Latif, ibu. Ayah Mohamad Yusof bin Abdullah, sebab dia muafak sebab itu dia Abdullah.

KK : **Apakah pekerjaan ibu bapa Dato'Sri?**

DSEY : Apa itu, ibu dia meniaga masa itu, lepas itu arwah ayah pula dia eksekutif chef, kira jawatan terakhir sebelum dia meninggal.

KK : **Siapakah nama isteri Dato'Sri?**

DSEY : Natasha Rosa Boudville, N-A-T-A-S-H-A, lepas itu, R-O-S-A, lepas itu *family name*[nama keluarga] dia B-O-U-D-V-I-L-L-E.

KK : Berapakah usia isteri Dato'Sri?

DSEY : Tiga puluh dua.

KK : Berapakah bilangan cahaya mata Dato'Sri?

DSEY : Dengan Natasha kira perkahwinan kedua. Perkahwinan pertama dulu ada tiga,perkahwinan kedua setakat ini ada satu.Alhamdulillah ada empat semuanya,tiga perempuan, satu lelaki.

KK : Boleh beritahu kami,siapa nama anak Dato'Sri?

DSEY : Yang pertama Vie Zaara Binti Idris. V-I-E Z-A-A-R-A. Yang kedua Zareef Yusof bin Idris, Z-A-R-E-E-F dan lepas itu, Yusof dia Y-U-S-O-F bin Idris dan yang ketiga Vie Zaalia, V-I-E Z-A-A-L-I-A binti Idris. Yang Vie Zaalia itu dia dua patah perkataan tau, Zareef Yusof pun dua patah perkataan, Vie Zaalia pun dua perkataan, dia, dia, dia dua, dia tak bersambung, kadang-kadang abang tengok itu dia bersambungkan terus Vie Zaalia, salah tapi dia V-I-E lepastu jarak dan nama dia, dan yang keempat Zaelynn Rosa Binti Idris, Z-A-E-L-Y-N-N, lepas itu jarak R-O-S-A binti Idris.

KK : Berapa usia anak Dato'Sri sekarang?

DSEY : Yang pertama, empat belas, yang kedua,dua belas, yang ketiga, sembilan dan yang keempat,satu.

KK : Apakah hobi Dato'Sri ketika masa lapang?

Kalau ikutkan masa lapang itu terpaksa dicari[lah] sebab memang kurang ada masa lapang, tetapi sekiranya kata [lah] ada sampai masa untuk beriadah dan sebagainya. Saya suka boling, bukan hanya sekadar suka memang apa itu, mengemari sukan boling sehingga masuk *tournament*[kejohanan] dan juga *competition*[perlawanan]. Saya suka *scuba diving*[selam skuba], *scuba diving* [selam skuba] pun memang *serious into that sport*[serius dalam sukan itu]. Dua ini memang yang utama, kalau yang santai-santai, abang suka tengok wayang, sebab apa, sebab salah satu sebagai pelakon tengok wayang itu adalah salah satu *tools*[alatan] tugas kita sebagai seorang pelakon, apa itu semua akan memberikan satu input yang positif kepada diri kita. suka beriadah, pergi makan, suka berjalan-jalan, *travel*[melancong] sebab Itu yang santai, kalau hobi yang betul-betul, yang betul-betul *into hobbies* [dalam hobi] yang dua itu, boling dan juga *scuba diving*[selam skuba].

KK : Soalan untuk pendidikan kepada Dato'Sri.

DSEY : Abang Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Temerloh,Kuala Lumpur,S-R-K Jalan Temerloh,Kuala Lumpur.Sekolah ini dekat mana tau, dekat dengan Taman Tasik Titiwangsa, sampai darjah enam.Lepas itu, kan tadi abang beritahu yang bila keluarga berpisah abang balik duduk dengan arwah nenek [kan]. Okey, arwah nenek dia duduk dekat Jalan Bellamy, jadi abang pergi sekolah S-M,Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Vivekananda Brickfields. V-I-V-E-K-A-N-A-N-D-A,Kuala Lumpur [Malaysia].Selepas pada itu, abang sambung buat diploma dalam *electronic engineering*[kejuruteraan elektronik] di Federal Institute of Technology [F.I.T]. Kalau nak the *right spelling* [ejaan betul] beritahu abang [eh]. Diploma in *electronic engineering* [kejuruteraan elektronik] di Federal Institute of Technology [F.I.T]. Kolej itu pun dah kemana hilang, dah tak nampak batang hidung dah. Selepas pada itu,abang sambung, abang bukan sambung tapi abang buat satu lagi diploma in *business management* [pengurusan perniagaan] di-(berfikir), Kolej Tun Abdul Razak,

Kuala Lumpur sekarang ini dah jadi UNITAR [Universiti Tun Abdul Razak]. Sekarang UNITAR [Universiti Tun Abdul Razak], abang buat *business*[perniagaan] diploma in *business management*[pengurusan perniagaan], tapi yang itu *collaboration*[gabungan] dengan UK[United Kingdom] dan jadi sijil abang dari Swansea Institute of Higher Education (SIHE), yang itu pun dah jadi universiti dah. So[jadi], sijil abang dari Swansea, abang buat dua program. Kolej Tun Abdul Razak ada *internal* [dalaman] *paper* [kertas] dan *external* [luaran] *paper* [kertas]. So [jadi], kalau *internal paper* [dalaman kertas] dia *awarded* [dianugerahkan] by institute tersebut [lah]. Abang ambik *internal paper* [luaran kertas] , jadi apabila *internal paper* [dalaman kertas] , abang ambik *paper*[kertas] dari Swansea Institute of Higher Education [SIHE]. Lepas pada itu , sekarang abang dah *final year* [tahun akhir],Insya-Allah,abang buat master dengan UUM [Universiti Utara Malaysia], MNC Management, Master of Science pengurusan,dengan UUM [Universiti Utara Malaysia].

IM : **Bolehkah Dato'Sri ceritakan pengalaman dan cabaran semasa meneruskan pengajian?**

DSEY : Peringkat diploma itu okey[lah], sebenarnya abang tak minat *electronic engineering*[kejuruteraan elektronik] disebabkan pasal keluarga sebelah arwah ayah,dia ramai *into*[dalam] jadi arwah ayah dia berkehendakkan abang jadi *engineer*[jurutera][lah], lepas itu,bila abang dah habis *paper*[kertas] itu, *so*[jadi] abang dapat *offer* [tawaran] ke Sandylands University di UK [United Kingdom] untuk sambung *bachelor* [ijazah] dekat sana ,tetapi abang mengambil keputusan yang abang lebih berminat untuk buat pengurusan sebab apa abang lebih suka PR Marketing, dua ini *forte* [perkara di mana seseorang itu cemerlang] abang.Jadi itu bila abang dah selesai *electronic engineering* [kejuruteraan elektronik] diploma, abang minta dari arwah ayah untuk teruskan pengurusan , itu abang masuk Institute Technology Tun Abdul Razak tetapi abang ambik yang *external*[tambahan] *paper*[kertas]. Bila ambik *external*[tambahan] *paper*[kertas] pada masa itu dia ada buat *collaboration* [gabungan] Swansea Institute of Higher Education [SIHE]. Jadi abang belajar dekat situ tapi *paper*[kertas] abang daripada sana dan apa itu permarkahan itu apa semua

datang daripada sana *hundred percent* [seratus peratus] daripada sana ,cuma Institute Technology Tun Abdul Razak hanya sebagai moderator sahaja. Setelah itu, kira ikutkan kita lompat selepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] kita terus sambung ke diploma ianya memberi satu kejutan budaya kepada abang pasal apa, pasal dua dunia yang berbeza alam persekolah dan alam kolej ini. Dan alhamdulillah abang cepat boleh *blend in* [gabung] kalau ikut kesukaran untuk peringkat awal sahaja selepas pada itu dah okey, jadi dekat Federal of institute of Technology dulu masa buat *engineering* [jurutera] dalam kelas ada lebih kurang empat puluh lebih , ada dua je Melayu dan bila *final* [akhir] tinggal sorang je Melayu iaitu abang, yang lain majoriti memang *Chinese*[orang Cina] dan *Indian*[orang India], jadi apabila masuk Institute Technology Tun Abdul Razak ini, majoriti Melayu pulak adalah satu,dua Cina, kira bangsa lain golongan minoriti dekat kolej tersebut.Jadi dan biasa dengan *society* [masyarakat] begitu, sebab itu abang sampai ke hari ini abang boleh blend[campur] dengan semua *society*[masyarakat] yang ada sekarang ,ada ramai kawan dalam kalangan Cina,India,Melayu jangan cakup[lah].Dan apabila buat dengan master pulak [pula], kita dengan UUM[Universiti Utara Malaysia], universiti awam, *different* [lain] program yang mana kita bertemu dengan orang—jauh lebih berpendidikan, tinggi ilmu tapi alhamdulillah mereka sangat membantu, dan itulah dah nak habis dah pun, diam tak diam dah nak habis dah pun, at *fifty-years-old* [lima puluh satu tahun] masih lagi belajar.

IM : Seterusnya,kita ke bahagian kerjaya iaitu kerja awal , soalan pertama ,apakah pekerjaan pertama Dato’Sri selepas tamat pengajian?

DSEY : Selepas tamat pengajian saya bekerja dengan salah satu sebuah syarikat yang berkaitan dengan pengurusan saham Kuala Lumpur [Malaysia] pada masa itu M-I-D-F-C-C-S. Okey, M-I-D-F-C-C-S ini, dia adalah satu syarikat yang mengendalikan saham terbitan baru dan selepas pada itu mendapat *offer*[tawaran] dalam industri dan sebagainya hilang[lah] sekejap. *So basically*[Jadi pada asasnya] kalau ikutkan asal abang dari dunia korporat dan bila masuk dalam dunia industri, kira bersama-sama industri sebagai *full-timer*[sepenuh masa] sehingga [lah] pada tahun, rasanya tahun 2008 dimana

abang bersama dengan bekas rakan kongsi pada masa itu, kita buka satu syarikat iaitu Black Stone Dagangan Sdn.Bhd yang berurusan arang batu di Kalimantan,Indonesia. Pada tahun 2012, abang bersama Midas Surplus Management Sdn.Bhd daripada pada tahun 2012 sampai ke tahun ini, iaitu kalau dikatakan dari segi bidang korporat[lah] dan sehinggalah ke hari ini abang bersama Midas Surplus. Dan dari sudut dengan kerajaan abang bersama FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia], sebagai salah seorang *board of director* [Lembaga Pengarah], FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia]. Selepas pada itu, abang ke MOFA [Ministry of Foreign Affairs] sehinggalah ditamatkan perkhidmatan baru-baru ini

IM : **Apakah pengalaman bersama rakan sekerja yang tidak dapat dilupakan oleh Dato' Sri ketika bekerja di sana?**

DSEY : Dalam dunia korporat yang itu adalah *the best memories* [kenangan terindah] [kot]. Sebab apa, sebab pada masa itu abang bersama-sama satu pejabat dengan [berfikir] dengan Zamani Slam, dengan Zamani Slam satu pejabat dengan dia. Lepas itu, ingat tak kumpulan 'Sweet Child', yang ap aitu Achong 'Sweet Child', yang itu pun majoriti pun satu pejabat itu. Sebelum mereka, sebelum kami masuk ke industri [lah], memang kitaorang satu pejabat jadi tapi kalau ikutkan Zamani Slam masuk industri dulu, lepas itu abang masuk, lepas itu baru kumpulan 'Sweet Child', Achong dan ada dua, tiga orang lagi iaitu daripada situ[lah] yang mana masuk industri, yang kalau yang lain-lain itu *all and out* [semua dan keluar], kalau FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia] yang satu bagusnya sebab apa , pasal sebelum ini ramai orang industri tidak tahu pergerakan ataupun pergerakan FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia] dalam membantu industri, jadi apabila orang industri diberi peluang untuk masuk dalam industri itu, dia membuka mata banyak perkara-perkara *do and don't* [buat dan jangan] dan juga perkara-perkara yang harus diperbaiki demi untuk kelangsungan industri seni kreatif tanah air [lah]. Jadi apabila kita dah masuk dalam itu kita nampak apa perkara-

perkara yang perlu dan harus diperbaiki. Sama ada, yang menyambung selepas kami itu nak buat tak nak buat yang itu lain cerita[lah] tapi kita dah tahu tentang perkara-perkara yang sepatutnya dan tak sepatutnya dan sekarang ini bukan masa yang mungkin satu hari nanti kita akan ada alumni yang akan menjadi pemantau pada FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia] dalam memastikan mereka untuk terus bergerak dalam membantu warga industri khususnya. Dan apabila dengan MOFA [Ministry of Foreign Affairs] dengan Ministry of Foreign Affairs [MOFA] jadi *related to our industry* [berkaitan dengan industri kita] yang mana kita nampak bahawa terdapatnya kekangan kenapa industri kita yang boleh dikatakan kita masih ada industri kalau nak dibandingkan dengan negara-negara lain, tetapi kenapa kita tidak boleh kembangkan industri kita ke dunia luar. Sekarang kalau kita tengok macam Indonesia boleh dikatakan industri kita lebih aktif *compare* [bandingkan] *to them* [kepada mereka] tetapi diaorang boleh *penetrate* [menembusi] ke luar. Kita tengok macam di Korea yang memang dah pergi ke global, Hong Kong dah pergi ke global dan sebagainya. Dan kita mempunyai karyawan-karyawan yang hebat-hebat yang boleh diketengahkan dan ada juga karyawan kita yang sudah berkerja di Hollywood. Mereka dapat *target* [sasaran] dan juga impian mereka masing-masing [lah], jadi kita memang banyak *expertise* [kepakaran] yang boleh diketengahkan. Apabila bersama MOFA [Ministry of Foreign Affairs] walaupun dalam jangka masa yang singkat tetapi banyak perkara-perkara yang kita pelajari yang boleh diguna pakai pada masa akan datang, Insya-Allah, sekarang ini tunggu masa je[lah].

KK : Bilakah Dato' Sri mula memceburkan diri dalam bidang lakonan ?

DSEY : Depan kamera, abang bermula sebagai *talent* [bakat] , kalau kata[lah] orang kat luar panggil model [lah]. Pada 1983, itu pengalaman pertama, masa itu 1983 terlibat dengan iklan, kita panggil TVC dan juga Print. Dan abang juga pada masa itu terlibat dengan bidang peragaan tetapi bidang peragaan sekejap. Bidang peragaan sekejap sebab abang tak suka berjalan di atas

stage[pentas] tetapi sekurangnya kita ada pengalaman[lah].Kita ada pengalaman berjalan di atas *stage* [pentas] dan sebagainya jadi abang fokus dengan iklan tv[televisyen] dan juga Print. Kita panggil TVC and Print, TV Commercial, TVC itu TV Commercial dan juga Print. Jadi sampailah pada hujung 1994, apabila abang dapat *offer* [tawaran] untuk masuk industri dan pada masa itu abang sedang bekerja dan abang ambik keputusan untuk berhenti berkerja dan fokus *hundred percent* [seratus peratus] pada industri lakonan dalam bidang lakonan pada masa itu. Pada masa itu, abang buat *full time*[sepenuh masa] 1994, hari pertama abang berada di set pada dua puluh lima haribulan sepuluh 1994 untuk filem 'Kad Cinta'. Pelakon utamanya Nasha Aziz, masa itu dia *first time* [pertama kali] berlakon , dia pun daripada TVC itu dan pelakon utama lelakinya Hairie Othman, watak antagonis, Badrul Muhyat, *so*[jadi] abang jadi kawan baik kepada Badrul Muhyat. Filem 'Kad Cinta' ,dua puluh lima haribulan sepuluh 1994.

KK : **Berapakah usia Dato' Sri semasa mula menjadi pelakon?**

DSEY : Kena tolak[lah], okey, abang bermula depan kamera sebagai *talent* [bakat] 1983, abang rasa masa itu *form one* [tingkatan satu] [kot] , tiga belas tahun kurang, rasanya dan bila abang masuk dalam industri dua puluh lima haribulan sepuluh 1994.

KK : **Mengapakah Dato' Sri berminat untuk menjadi seorang pelakon?**

DSEY : Memang suka,bila kita dah berkecimpung dengan dengan apa itu , TVC dan sebagainya. TVC, TV Commercial pun dia adalah bibit-bibit lakonan jadi dekat situ dah mula timbul rasa minat tetapi *along the way* [sepanjang jalan] kita ada *queue card* [kad giliran] , kita ada hantar *queue card* [kad giliran] kita pada beberapa *production houses* [rumah pengeluaran] yang hebat-hebat pada masa itu tetapi tak dapat layanan. Jadi itu yang buat abang rasa tak apa[lah] kita sambung belajar [lah] , bila sambung belajar mula bekerja rupa-rupanya dapat pula peluang untuk masuk industri jadi itu yang buat keputusan untuk

buat *full time* [sepanjang masa] itu .

KK : **Bagaimanakah perasaan Dato' Sri apabila menceburkan diri dalam bidang seni?**

DSEY : Goyang, kira macam *suspense* [suspen] juga tapi masa itu tidak mengharapkan terlalu tinggi sebab apa pasal kita taktahu- dia macam ini [lah] apabila abang ambik keputusan kalau ikutkan kerjaya abang pada masa itu dah nampak macam dah *best* [terbaik] , yang ini *uncertain* [tidak pasti] sebab apa , kita masuk betul-betul macam boleh kata kan tidak ada pengalaman [lah]. Walaupun ada pengalaman depan kamera tetapi TVC dan lakonan filem, layar perak, dan juga layar kaca lain tak sama, *and then*[dan kemudian] dia ambik *longer time* [masa yang lebih lama] untuk kita bekerja. Kalau TVC kadang-kadang satu hari sahaja, kadang-kadang setengah hari dah habis *and the most* [dan yang paling banyak] pun tiga hari kalau tak *travel* [melancong] empat hari, lima hari dah habis, tetapi ini mengambil masa sebulan , sebulan setengah, dua bulan, tiga bulan jadi agak bimbang juga [lah] takut kita tak boleh nak *sustain* [mengekal] momentum tersebut, tetapi disebabkan minat yang amat mendalam so abang *took a challenge* [mengambil cabaran] untuk jalan sahaja dan tidak ada harapan tinggi menggunung pun disebabkan terlalu minat kita buat sahaja , tak ada [lah] berfikir akan melandak nama akan naik , akan jadi popular dan sebagainya tak terfikir pada masa itu dan kalau nak diikutkan abang antara yang dapat cepat [lah], lima bulan sahaja dalam industri ini abang terus *from zero* [dari kosong] abang terus jadi *hero* [wira] . Selepas filem 'Kad Cinta' abang dapat *offer* [tawaran] satu lagi untuk buat, sekarang ini kita panggil telefilem dulu dia panggil cerekarama. Lakonan hero dia Ruzaidi yang pesilat itu dan Raja Noor Baizura, dan abang buat sebagai *supporting* [menyokong]. Selepas pada itu, pengarah cerekarama tersebut bawa abang ke HUD, yang banyak buat slot drama _ masa itu , kebetulan ada satu skrip, ada satu skrip yang ada beberapa artis yang sepatutnya berlakon dalam drama tersebut tarik diri, *so*[jadi] jadi abang ini kira bila *executive producer* [penerbit eksekutif] itu tanya, abang minat itu berlakon dan sebagainya , abang memang minat [lah] , *so* [jadi] dia *offer* [tawaran] abang

drama itu. Bila *offer* [tawaran] drama itu kita *shooting* [penggambaran] , dalam lebih kurang tiga bulan dan alhamdulillah nasib abang baik dan drama itu dah siap sahaja terus keluar tv[televisyen] dan bila terus keluar tv[televisyen] terus melandak, jadi *viral* [tular], zaman sekarang *viral* [lah], pada masa abang ia dipanggil fenomena. Fenomena itu maksudnya sekarang ini *viral* [lah] dan terus alhamdulillah abang masuk industri ini nama abang cepat naik [lah], cepat dikenali, dalam masa lima bulan sahaja , abang betul-betul dikenali --- drama 'Jaguh-Jaguh' , badminton itu. Dan selepas pada itu, abang dapat banyak *offer*[tawaran] dan itulah permulaan abang sebagai pelakon dalam industri ini. Abang bersyukur, sebab apa, sebab abang tidak melalui saat-saat susah payah dan perit [lah], ramai bintang-bintang yang ada sekarang ini, diaorang mengambil masa lama, ada yang lima tahun, enam tahun, ada yang sepuluh tahun, baru nama naik, abang dapat cepat, rezeki kan Allah nak bagi, sebab apa, abang memang tak ada niat apa pun, kita niat kita pasal "Oh ini perkara yang aku suka nak buat, dan aku nak buat sungguh-sungguh" dan alhamdulillah benda itu terjadi [lah] sampailah ke hari ini.

KK : Apakah cabaran yang dihadapi oleh Dato' Sri semasa memulakan kerjaya sebagai seorang pelakon?

DSEY : Hah, pengarah panggil abang sebagai kayu, kurang asam pengarah itu panggil abang kayu , ya macam Fattah Amin kena sekarang. "Macam Fattah Amin kena kan?", abang kena dulu dah. Tapi itulah yang kelakarnya pengarah itu pun kadang-kadang ting-tong juga, rasa nak ketuk kepala dia, pasal apa, itu filem abang yang pertama, lakonan abang yang pertama , jadi mestilah kita tak tahu macam mana nak bergerak ke kiri ke, ke kanan ke, jadi bila dah Nampak kita macam kalut-kalut dia panggil " Oi kayu mari sini" , "Kwajak [kurang ajar] pengarah itu , tetapi kita sabar[lah], pasal abang- Okey, satu tentang abang ini, kalau lah abang buat sesuatu perkara, abang akan bersungguh-sungguh, jadi apabila dia panggil kita macamtu, abang tak marah , jadi tak apa , satu hari nanti aku akan tunjukkan dekat kau , yang aku bukan pelakon kayu. Lepas itu, bila- okey abang berlakon [lah] , itu adalah pengalaman pertama [lah] abang kena , itulah sebab itu bila Fattah Amin kena, abang tahu apa rasa

dia, sebab bang pun pernah kena, cuma abang kena tak lama [lah] , sebab apa, sebab lima bulan abang dah meletup kan , dan jadi *stop*[berhenti] [lah] pelakon kayu itu. Tetapi selepas pada itu abang cop abang artis majalah [lah]pula, sebab apa, sebab bila dah popular banyak *magazine* [majalah] panggil kita *so*[jadi] abang jadi *cover boy* [budak muka depan majalah] [lah]. Pada masa itu, artis majalah maksudnya engkau ini, apa ini, harap rupa aja lah [sahaja lah] , berlakon ke laut, maksudnya macam itu. Jadi, bila kena cop artis majalah itu , itu *next* [seterusnya] selepas pelakon kayu , sebab apa, sebab tak habis-habis muka abang sahaja dekat media hiburan ke , media UR TV ke, majalah Mangga ke, apa ke, semua muka abang. Jadi orang kata ini artis majalah, artis majalah, artis majalah itu maksudnya kita ini macam tayang rupa sahaja [lah]. Dan selepas pada itu, abang *really push* [sangat mendesak] diri abang dan alhamdulillah pada tahun- beberapa tahun selepas itu abang menang *award* [anugerah] abang yang pertama “Pembantu Pelakon Lelaki Terbaik Filem” dalam filem ‘Panas’ dan selepas pada itu semua *stop* [berhenti] tak ada yang panggil pelakon kayu, tak ada artis majalah dan industri mula menerima abang sebagai salah satu daripada kira macam *actor* [pelakon][lah] , sampailah ke hari ini . Insyaa-Allah kalau panjang umur jadi sempat [lah] kot jadi seniman kot.

KK : Siapakah yang pertama yang bertanggungjawab memperkenalkan Dato’ Sri ke dunia seni lakonan?

DSEY : Allahyarhamah Puan Julie Dahlan, abang dikenalkan oleh anak allahyarhamah iaitu Harry Boy, masih aktif dalam industri. Dia[lah] yang pertemukan abang dengan mak dia, kebetulan masa itu mak dia nak buat filem ‘Kad Cinta’ itu [lah] , filem ‘Kad Cinta’ filem *first* [pertama] yang abang berlakon itu. Jadi yang pertemukan, jadi bila- abang ingat lagi masa itu Jumaat malam , biasa [lah] masa itu *boys* [lelaki] itu keluar *outing* [bersiar-siar] , makan dan sebagainya bersama dengan kawan-kawan jadi kebetulan ada satu malam jumaat itu, ada kawan, mamat sorang ini duduk sebelah , tegur “Hai , apa khabar”, nasib abang ini pun peramah *so*[jadi] melayan [lah], sembang-sembang , *so*[jadi] dia kata “ Esok , nak buat apa?” , “Oh, besok tak kerja” ,

sebab hari Sabtu kan *so*[jadi] tak kerja [lah] , “Mehlah [marilah] datang pejabat , minum -minum kopi, kita minum petang”, “ Eh boleh”, *so*[jadi] besoknya hari sabtu pergi jumpa *so*[jadi] dia cakap “ Eh, nak kenalkan engkau dengan mak aku” dia kata , bila buka je[sahaja] itulah kali pertama berjumpa, berhadapan dengan Allahyarhamah Puan Julie Dahlan, dia memang seorang *producer* [penerbit] memang seorang *producer* [penerbit] digerunilah , *so* [jadi] kecutlah tengok kan , “Alamak Puan Julie Dahlan” lepas itu , perkataan pertama yang keluar daripada mulut beliau, “Oh inilah kawan Harry, yang selalu Harry sebut” , *so* [jadi] maksudnya anak dia dah perhati dah lama, jadi nak cari peluang je[sahaja] untuk perkenalkan dengan mak dia, dan pada masa itulah , Allahyarhamah Puan Julie Dahlan *offer*[tawaran] abang salah satu watak dalam filem ‘Kad Cinta’, dan dia, beliau juga lah yang bawa abang ke hulu-hilir, sebab apa, sebab bila kita buat filem, kita akan banyak *promotion* [mempromosikan] , Puan Julie Dahlan yang bawa abang kesana kemari perkenalkan kepada *reporter*[wartawan] “Oh ini artis baru, artis baru” , dia nak *push* [menolak] abang lah. Haa itulah orang yang bertanggungjawab.

KK : Bolehkah Dato’ Sri kongsi matlamat utama Dato’Sri menceburi bidang lakonan?

DSEY : Peringkat awalnya tak ada matlamat, peringkat awalnya hanya kerana ini adalah satu perkara yang kita suka sangat nak buat dan abang *just*[cuma] nak fokus nak buat yang terbaik dan yang termampu dari pada diri[lah], sebab apa, sebab abang *always believe the best job in this world is the job you love the most* [sentiasa percaya pekerjaan terbaik di dunia ini adalah pekerjaan yang paling anda sukai], walaupun kita ini sebagai tukang sapu sampah tetapi kalau kita *enjoy*[nikmati] menyapu itu kita akan *enjoy*[nikmati] kerja kita, dan jadi ini antara kerja yang abang suka sangat nak buat jadi sebab itu walau susah payah perit macam mana pun tahan lah, sebab ini yang kita nak *so* [jadi] kita buat. Itu prinsip abang dari dulu dan *along the way* [sepanjang jalan] apabila makin lama dalam industri abang dah lebih, abang dah mula nampak, okey, kerjaya sebagai pelakon ini adalah salah satu cabang yang banyak cabang dalam industri, *so* [jadi] jadi abang nak cuba nak *explore* [meneroka] banyak

DSEY *This is very wrong* [Ini sangat salah]. Untuk pengetahuan *you all* [awak semua], dalam industri, kerja terlalu banyak. Bukan tak ada kerja. Nisbah sekarang ini 10 *job* [10 kerja] nisbah ke 1. Satu pelakon ada 10 kerja. Kerja banyak. Yang buat kita terhimpit disebabkan kekangan tidak boleh *shooting* [penggambaran]. MCO [*Movement Control Order*] [Perintah Kawalan Pergerakan] yang tidak membenarkan kita menjalankan penggambaran. Sebab itu, perasan tak? Apabila kita masuk era endemik, kita tak dengar pun sorang artis yang susah, kerja tak ada, apa tak ada. Yang menagih sana, menagih sini, tak ada. Cuba *you all* [awak semua] tengok. Industri kita memang memang dalam mod *standby* [siap sedia] sebab bukan kami yang menahan mereka, tidak. Sebab pada masa itu, kita terikat dengan MKN [Majlis Keselamatan Negara] dan juga dengan KKM [Kementerian Kesihatan Malaysia], betul? Kementerian Kesihatan yang mengeluarkan, tak boleh, SOP [Standard Operating Procedure] [Prosedur Operasi Standard] dan sebagainya yang menyebabkan kita tak boleh bekerja. Kalaulah cakap tak ada kerja, itu salah. Sebab kerja terlalu banyak. Tetapi kami tidak dibenarkan untuk membuat kerja tersebut. Sebab itu, bila buka sahaja MCO [*Movement Control Order*] [Perintah Kawalan Pergerakan] yang terakhir itu, semua orang bekerja sehinggakan satu jawatan yang tak patut tak ada pun, boleh tak ada. Sebagai contoh, ada satu projek tu [itu], tertangguh selama 3 bulan, 4 bulan sebabkan tidak ada *prop master* [ketua prop]. Maksudnya *art director* [pengarah seni], orang-orang yang membuat set. Sedangkan terlalu ramai yang boleh buat *prop master* [ketua prop]. Tetapi disebabkan pasal terlalu banyak kerja, kita kekurangan tenaga kerja. Kerja banyak. Kalau katalah kita susah pun disebabkan kena berkurung dekat rumah. *Because of* MCO [sebabkan Perintah Kawalan Pergerakan] dan kita tak dibenarkan untuk bekerja. Dan industri seni kreatif tanah air adalah industri yang bila buka je [sahaja], terus meletup. Banyak industri lain yang *collapse* [runtuh] dan sekarang ini, dia orang *try to*

climb up [cuba untuk panjat semula], tengah nak naik balik. Tetapi industri kita tak *collapse* [runtuh]. Dan ini antara *task* [tugasan] yang kami dapat sebagai penjawat awam yang menerajui FINAS pada masa itu untuk mengeluarkan sebanyak mungkin oksigen-oksigen untuk memastikan orang-orang industri tak *collapse* [runtuh]. Pada masa itu, FINAS mengeluarkan *special program* program khas yang *shooting from home* [buat penggambaran dari rumah], *work from home* [bekerja dari rumah] dan sebagainya. Kita bagi dana-dana mikro kepada orang-orang industri. *At least* [sekurang-kurangnya] tak banyak, sikit pun kalau dah satu orang dapat 3000, 5000 dan sebagainya, mereka dapat dan ramai yang dapat. Sebab itu tidak ada orang industri yang mengeluh. Tak ada [senyum]. Tak ada sebab --- Alhamdulillah, tak tahulah kenapa, pada masa FINAS kali pertama diterajui oleh majoriti orang industri dengan ada *enough fund* [dana yang cukup] dekat dalam itu. Pada masa itu, Allah duga kita dengan COVID-19 [*Coronavirus disease*] [penyakit Coronavirus]. Kalau letak --- mungkinlah, ya. Mungkin kalau letak orang kerajaan dan bukan kami pada masa itu, mungkin industri akan *collapse* [runtuh]. Bukan sebab kami bagus, tidak. Sebab kami faham apa-apa yang diperlukan oleh orang industri. Sebab mereka ini adalah di kalangan kawan-kawan kita. Sebab kita tahu kawan kita yang ini, itu, ini, semua. Sebab itu abang selalu cakap FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional *Malaysia*] ini perlu diterajui oleh orang industri kerana kita faham industri. Dan kita apabila ada permasalahan, kita boleh cari jalan penyelesaian dengan begitu cepat. Bulan 5 kami masuk, bulan 7 program dah jalan. Jadi, sebab itu kita perlukan - macam contoh, macam abang sangat setuju apabila Tengku Zafrul dilantik sebagai Menteri Kewangan. Tengku Zafrul, dia bukan *politician* [ahli politik]. Dia adalah profesional. Profesional, *background* [latar belakang] dia bank, dia adalah *banker* [jurubank] sebelum ini, betul? Apabila dilantik sebagai Menteri Kewangan, *so* [jadi], dia dah [sudah] tahu dah pasal *dollars-and-cents* [hal kewangan] itu adalah permainan dia, *calculation* [pengiraan]. *So* [jadi], sebab itu dia boleh buat kerja dia dalam kadar yang segera. Sama juga apabila FINAS, tugas hakiki dia adalah untuk membantu industri, untuk memakmurkan industri, untuk memantapkan lagi industri dan perlu orang industri yang mahu bekerja untuk industri duduk dalam itu. Kerana kita faham

industri kita dan *execution* [pelaksanaan] akan boleh berjalan dengan cepat. Itu yang telah berlaku. Sebab itu abang cakap sebenar-benarnya [ketawa], walaupun dalam dalam era pandemik, orang duk [duduk] marah pasal orang nak *shooting* [penggambaran], orang nak orang nakkan [mahukan] *income* [pendapatan]. Tetapi mereka masih ada *income* [pendapatan] yang mana FINAS pada masa itu, mengeluarkan dana-dana mikro yang banyak untuk macam *life support* [sokongan hidup] kepada orang-orang industri. Yang ini boleh *check* [semak] dengan FINAS tentang apa dana-dana yang telah kita keluarkan. Tak banyak, *at least* [sekurang-kurangnya] tak banyak, sikit pun, masing-masing semua merasa sementara nak menunggu kerajaan untuk membuka balik industri. Bila industri dah [sudah] buka, semua orang bekerja dah. Sampai ke hari ini, berebut-rebut pelakon sana sini, semua. Jangan cakap, kalau berebut pelakon itu biasa tapi kalau berebut tenaga kerja karyawan belakang tabir memang kelakar dan itu yang sedang berlaku sekarang ini. Itu situasi yang sebenarnya tau. Jangan fikir orang industri, tak ada [geleng kepala]. Tak. Mungkin ada lah satu, dua tapi majoriti okey. Yang dia orang marah pasal dia orang nak *shooting* [penggambaran] [senyum] tapi kerajaan tak bagi. Kan? Sebab apa? Pasal dia orang ada tanggungan-tanggungan yang lebih besar. Tapi bila dia orang dah *release* [lepaskan], semua tak merangkak. Semua terus melompat pergi kerja. Sebab kerja dah sedia menanti. Macam abang sendiri, masa kena kurung, abang berhutang, ada lima projek, yang masa bila dah bukak itu balik, abang kena habiskan hutang-hutang yang lima projek itu. Itu tak termasuk lagi projek yang baru. Bukan nak cakap abang ni *hot* [laku], tak. Sebab itulah situasi yang sebenarnya yang berlaku pada - boleh katakan hampir semua orang industri yang ada pada masa itu. Kerja banyak. Kerja yang sebelum ini pun tak habis lagi, nak habiskan kerja-kerja sebelum ini, lepas itu nak ambil lagi kerja-kerja yang baru. Itu yang kadang-kadang sampai artis sampai ambil tiga, empat *job* [kerja] dan sebagainya. Sebab kerja terlalu banyak, nisbahnya tinggi. Bayangkan sampai ke hari ini, masih ramai lagi yang membuat *casting call* [uji bakat]. *Casting call* [uji bakat] untuk mencari pelapis-pelapis baru pasal kita tak cukup pelakon. Artis tak cukup. Industri memerlukan katalah contohnya sepuluh, yang ada untuk memenuhi ruang ada tiga, empat saja [sahaja]. *The most* [paling banyak] pun lima. Itu

yang artis, kadang-kadang kita tengok artis itu sampaikan ambil tiga *job* [kerja], empat *job* [kerja] dan sebagainya. Sebab kerja banyak. Alhamdulillah. Okey? Kalau katalah kau orang dengar macam itu, ini semua, itu semua betul ke? [senyum]. Kadang-kadang --- pelakon --- [senyum]. Kan?

KK : **Okey. Bagaimana pandangan Dato' Sri terhadap peminat Dato' Sri?**

[terkejut] *Of course*lah [sudah tentulah] kita menyanjung tinggi. Ini sebab, pasal bila dah sampai umur macam ini, kan? Kalau katalah macam “Abang, saya peminat abang,” “Eh? Ada peminat, ya? [senyum] Masih ada, ya?” Kita rasa macam excited, “Eh? Ada lagi?” Sebab bila dah sampai tahap macam ini, dia [ianya] lebih kepada masyarakat menghormati [lah] - lebih menghormati mungkin dari segi sebab dah lama dan juga pada masa yang sama, tanggungjawab kita untuk menjaga keperibadian kita supaya [berfikir] tidak *dismack*lah (dikecam) oleh masyarakat dan sebagainya. Dan yang *bestnya* (seronoknya), sebab kadang- kadang, abang duk [duduk] fikir macam mana cara untuk mendekati masyarakat. Sebelum ini, susah. Sebab kita tak ada platform. Apabila dah ada platform, sekarang ini abang mengguna pakai platform yang ada seperti macam *Facebook*. Tapi *Facebook* pun, kita tidak boleh [berfikir] nak *direct* [terus] sangat. Dan juga macam *Instagram*, abang bersama-sama dengan *Instagram*, abang mengguna pakai plat --- *application apps* [aplikasi] yang ada untuk cuba mendekati masyarakat. Dan juga, macam *Instagram*, dah ada *Instagram Live* tetapi disebabkan abang dah sinonim dengan *upload content* [muat naik kandungan] dan sebagainya, jadi kurang dengan IG [*Instagram*] *Live* tersebut. Dan apabila abang diperkenalkan dengan *TikTok*, sekarang ini abang lebih banyak meluangkan masa kat [dekat] *TikTok*. Sebab *TikTok* ada *TikTok Live*. Sebab dekat situ abang mula-mula buat *live* [siaran langsung] dan dekat situ kita nampak betapa orang masih ingat kita. Masyarakat ataupun *viewers* [penonton] masih menyebut tentang ‘Jaguh-jaguh’. “Abang, dulu drama badminton, ‘Jaguh-jaguh’, jadi kita tahu “Oh, dia orang ingat, ya?” Ada orang sebutlah *content-content* [kandungan] yang kita pernah buat dulu. Jadi, tak banyak, sikit, kita rasa macam - kita rasa *appreciated* [dihargai] yang mana orang masih ingat kita. Jadi, itu memberikan

satu-satu semangat yang mana “Aku kena buat lagi baik, nak *perform* [melakukan] lagi baik dan nak keluarkan *content-content* [kandungan] yang menghiburkan kembali peminat-peminat.” Segan pula nak guna peminat-peminat itu apabila *age* (umur) macam ini, kan? Tapi Alhamdulillah, masih ramai yang menyokong, masih ramai yang terima. Dan Alhamdulillah, sampai ke hari ini, abang masih aktif dalam industri dan tak putuslah, ada je [sahaja]. Alhamdulillah, rezeki ketentuan daripada Allah dan pada masa yang sama diterima baik oleh masyarakat.

KK : Berkenaan kerjaya sampingan Dato’ Sri. Bolehkah Dato’ Sri kongsi pengalaman kerjaya di samping lakonan dan penerbitan?

DSEY : Kerjaya sampingan lebih kepada CSR [*corporate social responsibility*] [tanggungjawab sosial korporat] lah. CSR, yang mana abang bersama dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Yang mana kita turun menyantuni masyarakat dan pada masa yang sama, sekarang pun abang bersama-sama dengan Dr Ahmad Idham, selaku pengasas kepada hab pendidikan khas. Yang mana kita turun padang menyantuni masyarakat. Yang mana pada masa itu, apabila kita turun menyantuni masyarakat, pada masa itulah, dengan lebih jelas kita nampak orang masih ingat kita. Jadi, masyarakat masih *greet* [manyapa] kita dan sebagainya, kita rasa macam *appreciated* [dihargai] sangat-sangat. Jadi, apabila- sekarang ini banyak buat program-program CSR [*corporate social responsibility*] [tanggungjawab sosial korporat]. Lebih-lebih lagi bersama-sama dengan Angkatan Pertahanan Awam, yang mana abang sebagai sukarelawan, kalau ikutkan dari segi berkhidmat dengan Angkatan Pertahanan Awam itu sampai ke Palu Sulawesi [Indonesia]. Yang Abang ingat masa gempa bumi dulu, kan? Dan kita turun ke sana untuk membantu, bukan hanya pada masyarakat Malaysia dan juga pada orang luar juga yang memerlukan bantuan dan sebagainya. Dan kita bersama-sama dengan beberapa rakan strategik memang berganding bahu untuk menyantuni masyarakat. Dan juga kepada mereka-mereka yang memerlukan. Jadi, abang bersama dengan

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan juga dengan hab pendidikan khas Dr Ahmad Idham.

KK : **Seperti yang Dato' Sri katakan tadi yang [berkait dengan] Midas Surplus itu, bilakah Dato' Sri dilantik atau ditawarkan untuk memegang jawatan dalam syarikat tersebut?**

DSEY : Kalau tak silap abang, 2012 [berfikir]. Ya, 2012 sampailah ke hari ini. Tugas yang berkaitan dengan bank.

KK : **Dato' Sri memegang jawatan sebagai pengerusi, betul?**

DSEY : Ya, *chairman* [pengerusi].

KK : **Okey. Apakah perasaan Dato' Sri apabila dilantik untuk memegang jawatan tersebut?**

DSEY : *It is an honour* [ia adalah satu penghormatan] apabila kita dapat pengiktirafan, dapat kepercayaan dan pada masa yang sama memang kalau katalah di kalangan kawan rapat, dia orang tahu abang memang seseorang yang kuat dan suka bekerja dan suka menyantuni masyarakat. Itu memang antara - kira keperibadian abanglah. Dan apabila bersama dengan Midas Surplus ini, satu perkara yang membuatkan kita rasa teruja tapi pada masa yang sama, kita kena buat kerjalah [senyum]. Dan Alhamdulillah, disebabkan komitmen kita terhadap kerja dan sebagainya, kalau ikutkan dah lama dah ni [ini]. Kalau 2012, sekarang 2022. Dah [sudah] berapa tahun? [berfikir] Ya, lama.

KK : **10 tahun.**

DSEY : Lamanya [terkejut]. Dah [sudah] 10 tahun dah bersama dengan syarikat tersebut, diam tak diam. Dan juga [berfikir]- yang ini ramai tidak tahu. Abang

bersama dengan salah sebuah syarikat arang batu yang berada di Jakarta, Indonesia dan abang dilantik sebagai Pengarah Kewangan syarikat tersebut. Jadi, bukan hanya sekadar di Malaysia je [sahaja], dekat luar pun abang ada-dekat Indonesia. Sebab apa? Pasal tahun 2008, abang bersama-sama dengan Blackstone Dagangan Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan arang batu dekat sana dan dapat kepercayaan daripada rakan strategik di Indonesia yang mana abang telah dilantik sebagai Pengarah Kewangan syarikat tersebut.

KK : Secara kasarnya, berapakah bilangan pekerja yang bekerja di bawah syarikat Dato' Sri sekarang?

DSEY : Sekarang ini, 200 lebih. Secara spesifiknya, abang tidak] tahu berapa, pasal [sebab] kita ada penambahan baru tapi boleh katakan lebih 200.

KK : Pada pendapat Dato' Sri, apakah sumbangan Dato' Sri sepanjang memegang jawatan sebagai pengerusi Midas Surplus?

DSEY : Takkan nak bercakap pasal sumbangan [senyum]. Kalau katalah kita daripada syarikat itu ada - 100, sekarang ini ada lebih daripada 200, jadi, ada lah komitmen-komitmen kita yang kita letakkan pada --- syarikat yang telah mendapat kepercayaan. Kalau sekiranya kita tidak *perform* [laksanakan], abang rasa abang mungkin tidak dapat bertahan sampai 10 tahun. Kalau katalah kita tengok- kita berada dalam satu-satu syarikat dengan lantikan tinggi sebegitu untuk satu jangka masa yang lama, yang pastinya *you all* [awak semua] boleh agaklah *what kind of commitment* [komitmen macam mana] yang abang dah bagi kepada syarikat.

KK : Bagaimana teretusnya idea untuk melibatkan diri dalam bidang tersebut?

DSEY : Bidang apa?

- KK : Dalam bidang yang berkaitan dengan syarikat Dato' Sri iaitu Midas Surplus.
- DSEY : Abang daripada dunia korporat, kan? Jadi, apabila kita buat *full time* [sepenuh masa] pada 1994, *along the way* [sepanjang jalan], kita dah rasa macam, *it's okay* [tidak mengapa] untuk kita - kira *alongside* [bersama] dengan apa yang kita buat sekarang ini, dengan kerja-kerja yang lain. Jadi, sebab itu kira abang bersama-sama dengan Blackstone Dagangan Sdn. Bhd. Abang bersama dengan - [berfikir] PT Barracuda Topcoal Almughni, itu dia, nama dia, dekat Indonesia. Dan juga abang bersama dengan Midas Surplus Sdn. Bhd. --- Yang ini abang sebagai *Finance Direct* --- Okey, dengan PT Barracuda Topcoal ini, syarikat yang di Jakarta, Indonesia, abang dilantik sebagai *Finance Director* [Pengarah Kewangan] since [sejak] 2018. Yang ini, ramai tidak tahu sebab abang tak *share* [kongsi] benda ini. *You all* [awak semua] antara orang, *a few* [beberapa] yang tahulah.
- KK : Jadi, apakah faktor utama yang mendorong Dato' Sri untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan?
- DSEY : Faktor utama? [berfikir]. Pasal [sebab] itu *forte* [kemahiran] abang sebelum masuk industri [seni]. *You see* [awak lihat], ya? Kenapa abang bersama dengan industri seni kreatif tanah air? Disebabkan minat yang amat mendalam. Betul? Okey, kenapa abang terlibat dalam dunia korporat dan sampai ke hari ini abang masih bersama dengan dunia korporat? Sebab ini adalah permulaan kerjaya abang [senyum]. Jadi, dua perkara yang lain tau? Yang ini adalah kerjaya, dan ini adalah satu perkara yang kita suka nak mahu buat. Dua-dua adalah kerjaya yang abang dapat *alignkan* (selarikan), maksudnya dia seiringan. Seiringan yang mana abang ada masa yang abang boleh *spend* [luangkan] untuk dunia korporat dan pada masa sama, abang boleh ada masa untuk ke industri seni kreatif tanah air. *So* [jadi], sebab itu dia berjalan *simultaneously* [serentak]. Dunia korporat di mana abang bermula, industri kreatif adalah satu perkara yang abang suka nak buat.

KK : **Jadi, bagaimana Dato' Sri dapat membahagikan masa dengan dua perkara itu?**

DSEY : Ini, soalan ini memang abang suka cakap. Memang ramai orang tanya, orang [rasa] pelik. Sebab apa? PasaI [dalam] satu masa abang buat tujuh, lapan kerja. Dia orang fikir, 'Macam mana, ya?' Okey, *time management* (pengurusan masa) [senyum]. - Kita kena belajar tentang pengurusan masa tersebut. Macam mana kita nak menguruskan masa kita. Dalam satu hari, kita ada 24 jam je [sahaja]. Jadi, kita kena pandai *how to blend* [bagaimana untuk campur]. Kalau katalah kita dapat uruskan perkara tersebut, jadi, perkara-perkara yang *major* [utama] bolehlah kita jalankan dengan sebaiknya. Tetapi mana-mana [perkara] yang *minor* [kecil] itu, itulah yang terjadi pada *both of you* [awak berdua]. Apabila kita, "Alamak! *Postpone* [tangguh] sekejap, *postpone* [tangguh] sekejap". Jadi, ini adalah antara perkara-perkara --- Sebab apa? PasaI benda-benda yang sebegini --- PasaI kita dah [sudah] ada tiga, empat perkara yang *major* [utama] tetapi pada masa sama, masuk [perkara] yang *minor* [kecil], kan? Jadi, kita kena pandai cari masa supaya - Okey, *this is the best time* [ini adalah masa yang terbaik] untuk kita buat. Kadang-kadang, apa juga yang kita rancangkan itu, perancang yang hebat adalah hanyalah Allah S.W.T. Kita rasa kita okey tetapi tiba-tiba masuk benda-benda yang mungkin memerlukan khidmat kita pada masa itu, yang perlu diselesaikan dalam kadar yang segera. Jadi, yang lain itu terpaksa ditolak ke masa hadapan tapi yang pastinya, *by the end of the time* [menjelang akhir waktu], kita dapat selesaikan semua tugas tersebut. Sebab masa bukan hak kita. Kita boleh merancang tetapi penentunya bukan kita dan itu juga yang terjadi kepada Kamilia dan juga Izza. Yang mana *after a while* [selepas seketika], tetapi satu yang abang suka pada *both of you* [awak berdua] pasai *both of you* [awak berdua], dua-dua sangat sangat sabar. Dan kau orang, "Aku nak, aku nak jugak [juga]. Aku nak dapatkan juga". Dan akhirnya, Alhamdulillah. Allah perkenankan, yang mana malam ini kita dapat. Sebab *determination* [keazaman] itu penting. "Aku nak, aku nak, [akhirnya] dapat," [senyum]. Sebab itu malam ini kita sembang. Sedangkan kalau ikutkan macam berapa kali dah tolak.

KK : **Sebab dah [sudah] separuh jalan, Dato' Sri [ketawa]. Jadi, kita kena juga go [teruskan].**

DSEY : Sebab itu abang macam mana sekali - sibuk pun, abang *make sure* [pastikan] akan --- sebab [terfikir] “Bagus betul dia orang ini”. Tak apa, *I'll make sure I'll finish them all* [saya akan pastikan saya selesaikan semuanya]. Sebab itulah malam ini kita [akan] habiskan. Tak kisah kalau ambil masa panjang pun, abang tak kisah. Yang penting selesai. Dia tak kisah tau macam mana kita bermula, yang penting macam mana kita - cara kita berakhir [senyum]. Berakhir sama ada berakhir dalam keadaan yang bagus dan kita dapat, ataupun berakhir dalam keadaan kita tak dapat.

KK : **Sejauh mana bisnes/ kerjaya sekarang membantu dalam kehidupan Dato' Sri?**

DSEY : Abang tak boleh jawab itu sebab bagi abang yang membantu abang dalam kehidupan abang adalah cuma Allah S.W.T. je [sahaja]. Abang tak boleh nak jawab sebab dalam kehidupan kita ini, *there is no guarantee* [tiada jaminan]. Macam Abang, kadang-kadang orang cakap, “Kau kena simpan duit, duit untuk menjamin masa depan”. Yang itu, tak boleh. Dalam Islam tak boleh sebab secara tidak langsung macam kita ni [ini] - silap-silap dah jatuh syirik tau. Sebab yang boleh menjamin masa depan cuma Allah S.W.T. sahaja. Tapi tanggungjawab kita sebagai yang diamanahkan untuk menjalankan tugas, kita buat *accordingly* [sewajarnya]. Kalau katalah, *at least* [sekurang-kurangnya], kita berusaha ke arah itu tapi bukan jaminan.

KK : **Apakah pandangan Dato' Sri mengenai perkembangan syarikat Midas Surplus tersebut dari awal Dato' Sri melibatkan diri hingga kini?**

DSEY : Midas Surplus - Ini adalah pengurusan baru yang mana kita mengambil - yang telah mengambil Midas Surplus ini daripada pengurusan lama yang mana

bermula dalam keadaan yang agak - boleh dikatakan agak teruklah. Abang bersama dengan pengurusan baru, *so* [jadi], kita *build* [bina] balik Midas Surplus. Masa itu, pekerja ada berapa kerat je [sahaja], tak ramai. Sehingga sekarang ini, kita dah mendapat banyak - kita telah mendapat banyak produk daripada bank-bank yang telah percaya dengan kredibiliti Midas Surplus dan juga pengurusan tertinggi Midas Surplus. Dan kita ada lebih daripada 200 staf sekarang, yang mana Alhamdulillah tidak ada yang dikeluarkan sepanjang pandemik. Kita masih menjaga kebajikan *subordinate-subordinate* [staf bawahan] kita. Dan mereka pun *happy* [gembira] dengan layanan pihak syarikat. Jadi, maksudnya *turnover* [pusing ganti] - *staff turnover* [pusing ganti staf] dekat dalam syarikat itu sangat-sangat rendah. Sangat-sangat rendah. Sesiapa yang dah [sudah] masuk Midas Surplus itu, payahlah untuk keluar [senyum]. Kecuali mungkin yang dia orang dapat *better offer* [tawaran bagus] di luar ataupun mungkin nak tukar angin dan sebagainya.

KK : **Jadi, pada pendapat Dato' Sri, adakah bisnes Dato' Sri terkesan akibat pandemik?**

DSEY : Tak. Alhamdulillah, tak. Sebab sebagai contoh, PT Barracuda di Indonesia, kita menjalankan perniagaan jual - kita buat *trading* [perdagangan] iaitu arang batu. TNB [Tenaga Nasional Berhad] menggunakan arang batu untuk penjanaan elektrik [tunjuk lampu siling]. Kalau katalah macam - kalau tak ada arang batu, tiada pembakaran arang batu, [maka] tiada elektrik. Jadi, ianya dah [sudah] tergolong dalam kategori perniagaan *necessity* [keperluan]. Nak tak nak, kena jalan. Ada duit, tak ada duit, api kena *supply* [bekalkan] pada rakyat. Betul? Jadi, di Indonesia, kita buat *coal trading* [perdagangan arang batu] yang mana *coal trading* [perdagangan arang batu] tergolong dalam perniagaan *necessity* [keperluan] yang diperlukan. Jadi, gawat ke, apa ke, *coal* [arang batu] kena *supply* [bekalkan]. Kalau tak, elektrik tiada. Okey? Yang kedua, Midas Surplus. Midas, Midas Surplus berurusan *direct* [secara terus] dengan bank. Jadi, selagi ada bank, selagi itulah ada kami [senyum]. Selagi ada *customer* [pelanggan] dengan bank, selagi itulah ada kami. Kalau bank dah [sudah] tiada, *customer* [pelanggan] pun dah tiada pergi bank, jadi,

tiadalah kami. Nampak tak? Jadi, bank ada, kami ada lah [senyum]. Dan benda itu berterusan. Jadi, kalau ikutkan --- kalau nak cakap terkesan, sebab itu abang cakap tak, tidak terkesan. Alhamdulillah, tak terkesan.

KK : Dato' Sri pernah dilantik sebagai Perunding Kreatif di Kementerian Luar Negeri, bolehkah Dato' Sri ceritakan pengalaman Dato' Sri memegang jawatan ini?

DSEY : Seperti mana yang abang katakan tadi, apabila kita ni [ini] sebagai warga industri [seni], suatu ketika dulu, kita duduk terfikir, “Kenapa industri kita ini susah sangat nak pergi ke luar negara? Kenapa kita susah nak *penetrate* [menembusi] ke luar negara?” Pada masa abang dengan Abang Idham dapat *offer* [tawaran] pergi ke Korea - Jadi, bila kita pergi ke sana, kita menyantuni warga industri [seni] di Korea Selatan, banyak perkara-perkara yang dibincangkan tentang industri [seni]. Jadi, banyak yang membuka mata apabila Abang Idham dilantik sebagai CEO FINAS [Chief Executive Officer of The National Film Development Corporation Malaysia] [Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia], dan abang dilantik sebagai salah seorang daripada ahli perbadanan FINAS. Jadi, kita nampak - kita dah [sudah] mula mengetahui, dah mula belajar, dah mula mengambil tahu tentang tatacara kerajaan berkenaan tentang FINAS untuk membantu industri seni kreatif tanah air. Apabila kita - apabila Abang Idham dan abang pergi ke MOFA [*Ministry of Foreign Affairs*] [Kementerian Luar Negeri], kita nampak di Kementerian Luar Negeri kekurangan satu *desk* [jawatan] [iaitu] urusetia yang bertanggungjawab untuk *assist* [membantu] industri seni kreatif tanah air. Kita tiada *desk* [jawatan] tersebut. Jadi, tanggungjawab Abang Idham pada masa itu adalah untuk mewujudkan *desk* [jawatan] yang mana orang industri [seni], apabila nak ke luar negara, kalau kita tengok yang sebelum ini, orang industri pergi ke luar negara atas kapasiti individu, sendiri. Dia pergi daftar sendiri, dia pergi ke luar negara sendiri. Jadi, dia bawak [bawa] diri dia. Katakanlah macam Eizlan Yusof pergi ke New York [Amerika Syarikat], jadi, Eizlan Yusof bawa diri pergi ke New York tetapi dia tak bawa bendera Malaysia. Dia tidak bawa bendera, sebab apa? “Aku pergi atas kapasiti aku

sendiri. Kerajaan tak membantu pun, tak buka ruang dan peluang untuk aku pergi ke luar negara. Aku daftar sendiri,” dan sebagainya. Sebab orang industri tidak ada tempat untuk- *to refer to* [untuk merujuk kepada]. Tempat untuk dia *refer* [rujuk] untuk pergi ke luar negara. Jadi, MOFA tidak ada *desk* [jawatan] tersebut. Tugas kami adalah untuk mewujudkan *desk* [jawatan] tersebut supaya orang industri apabila nak pergi ke luar negara, dia ada tempat untuk dia orang boleh *refer* [rujuk]. Apabila dia *refer* [rujuk], *desk* [meja] ini - urusetia ini akan menguruskan segala perjalanan ataupun segala perancangan untuk membawa mereka ke tempat yang hendak dituju. Jadi, barulah mereka pergi mewakili Malaysia [senyum]. Sekarang ini, kalau abang pergi, abang pergi mewakili diri abang je [sahaja], Eizlan Yusof. Salah seorang daripada orang-orang industri dari Malaysia, tapi kita tak bawa *Malaysian flag* [bendera Malaysia]. Itulah adalah *task* [tugasan] kami pada - semasa kami berada di MOFA sebab kita kekurangan itu. *In order to* [untuk] kita mengetuk pintu di negara luar, kita perlukan MOFA untuk pergi ketuk pintu sebab *foreign affairs* [hal ehwal luar negeri]. [Contohnya] *Foreign Affairs* [Hal Ehwal Luar Negeri] Malaysia pergi ke *Foreign Affairs* [Hal Ehwal Luar Negeri] Korea Selatan, *Foreign Affairs* [Hal Ehwal Luar Negeri] Malaysia kena bagitahu, saya ada satu *team* [pasukan], saya nak bawak [bawa] pergi untuk --- kiranya hubungan dua hala antara industri [seni] Korea Selatan dan industri seni kreatif Malaysia. Diuruskan oleh *government* [kerajaan], jadi barulah ada *value* [nilai] dekat situ. Kalau kita pergi atas kapasiti individu, *value* [nilai] kita- dekat mana *value* [nilai] kita? Kita bawa diri kita dan tidak membawa *the whole* [seluruh] industri. Cuma kita ini jadi wakil kepada industri [seni] untuk bercakap tetapi bila balik, kita bercakap dekat [warga] industri, adakah nak guna pakai kata-kata kita? Yang boleh diguna pakai apabila kerajaan yang menguar-uarkan kepada industri melalui Kementerian Komunikasi turun ke FINAS, FINAS menyampaikan pada industri. *That's how we do work* [begitulah cara kami melakukan kerja] dan sebab itu abang cakap perlunya orang industri untuk mendapat ilmu tersebut. Jadi, ilmu ini kami dah dapat. Contoh, abang dengan Abang Idham. Sebab kami pernah duduk dekat dalam agensi kerajaan yang menyantuni industri seni kreatif tanah air dan kami duduk di Kementerian Luar Negeri yang mana kita telah mengadakan pertemuan macam - Abang Idham

dan abang telah mengadakan pertemuan dengan kita punya *counterpart* [rakan sejawat] daripada Indonesia. Jadi, kita dah [sudah] tahu dah, “Oh, ini [rupanya] kekurangan dia”. Kita dah pergi ke Pakistan, kita dah [sudah] jumpa dah pihak *TV station* [stesen TV] Pakistan untuk mengadakan *collaboration* [kolaborasi] ataupun mungkin *JV [joint venture]* [usaha sama] projek antara Malaysia dan Pakistan. Kalau industri pergi dekat sana, kita tidak boleh nak bercakap tentang secara yang berskala besar dan kita telah pergi ke Turki. Kita berjumpa dengan kerajaan negeri Turki dengan *counterpart* [rakan sejawat] kita dekat sana bercakap G2G [*Government to Government*]. Bila G2G, ia akan *carry more value* [membawa lebih banyak nilai], kalau nak dibandingkan dengan kalau kita pergi sebagai individu. Siapalah kita nak pergi kat sana, nak bercakap tentang *the whole of industry* [keseluruhan industri seni Malaysia]? Tetapi apabila kerajaan yang bercakap, ianya akan memberikan satu *weight* [beban] yang berat, yang besar. Jadi, patut dan --- ilmu tersebut kami dah dapat, walaupun dalam jangka masa yang singkat tetapi disebabkan pasal kami buat kerja laju. Jadi, banyak perkara-perkara yang kita dapat *implemented* [laksanakan] pada masa itu. Cuma apabila berlakunya isu-isu dan sebagainya, jadi, kita telah dikeluarkan daripada MOFA dan tak tahulah sama ada *desk* [jawatan] itu aktif ataupun tidak, kami tak pasti. Tapi yang pastinya, *desk* [meja] yang tak pernah wujud selama ini sudah ada dekat MOFA.

KK : Bolehkah Dato' Sri ceritakan serba sedikit pengalaman semasa terlibat dengan mana-mana program kebajikan?

DSEY : Abang inikan - datang daripada keluarga yang tak senang. Kira boleh katakan kalau sekarang ini kategori B40 [lah]. Mak abah dulu bukannya orang senang. Jadi, hidup dalam keadaan yang *struggle* [bergelut]. Di usia yang muda abang dah bekerja macam-macam. Jadi, ianya mengajar abang tentang erti untuk menghargai kehidupan dan juga menghargai masyarakat yang ada di sekeliling. Apabila Allah bagi abang rezeki yang tidak disangka-sangka, abang fikir sama ada adakah ini sebagai satu *blessing* [keberkatan] ataupun adakah ini sebagai satu ujian pada diri abang yang mana, “Aku dah bagi kau A-B-C-D, nak tengok apa yang kau buat dengan A-B-C-D tersebut. Jadi, bila abang

tengok, kalau katalah --- Sebab abang ini jenis yang memang berlari ke depan, pada masa yang sama, sesekali abang pandang ke belakang. Supaya abang tidak lupa di mana kita berpijak yang sekarang inilah. Jadi, apabila dapat ruang dan peluang sebegini, apabila kita telah dapat kepercayaan daripada ramai tokoh-tokoh korporat yang mereka sendiri pun nak *contribute* [menyumbang]. Jadi, abang dengan Abang Idham, kita bertindak sebagai pemegang amanah yang mana diamanahkan oleh *corporate figures* [tokoh-tokoh korporat] ini, untuk menyantuni dan untuk memberikan, menyampaikan bantuan-bantuan yang mereka sampaikan kepada golongan sasaran, pada mereka-mereka yang memerlukan. Jadi, itu abang anggap sebagai satu *contribution* [sumbangan] kami kepada masyarakat selain daripada menghargai sokongan masyarakat yang telah diberikan kepada kami. Dan juga, pengalaman kehidupan abang yang suatu ketika dahulu memang sangat-sangat susah dan keperitan itu sampai ke hari ini abang rasa. Dan abang memang simpan keperitan tersebut supaya abang tidak *fly high* [terbang tinggi], tidak terbang melayang sampai lupa di mana asal kita. Dan apabila kita turun padang untuk menjalankan CSR [*corporate social responsibility*] [tanggungjawab sosial korporat], dalam pada masa kita menyampaikan bantuan kepada mereka yang memerlukan, pada masa yang sama kita __ macam *we are slapping ourselves* [kami menampar diri sendiri]. Kita sentiasa tampar diri kita supaya sedar yang, “Kau duduk sini, masih ramai lagi yang perlu kita bantu dan sebagainya dan sedar sikit, ya dekat mana asal-usul kau yang sebenarnya”. Jadi, bagi abang, abang bersyukur dengan kehidupan yang Allah bagi, di mana abang susah dulu, datang daripada keluarga yang susah dan merasa segala keperitan. Dan sampai ke hari ini, Allah bagi rezeki yang melimpah ruah, rezeki yang memang abang tak sangka-sangka tapi abang masih dapat bertahan untuk menjadi orang yang biasa-biasa. Dan juga kita masih mahu dan ringan untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Itu prinsip hidup abang [lah].

KK : **Jadi, sekarang ini, kita akan masuk bahagian sumbangan dan anugerah.**

Seterusnya, bolehkah Dato' Sri kongsi dengan kami sumbangan dan anugerah/ pencapaian dalam kehidupan Dato' Sri dari segi: soalan pertama, sepanjang penglibatan Dato' Sri dalam program *Humanitarian Aid under Malaysia Civil Defence Force (APM) during COVID-19 Pandemic 2020*, apakah kenangan yang Dato' Sri tidak dapat lupakan?

DSEY : Yang paling penting sekali nawaitu [niat] kita, apa yang kita nak buat sebenarnya, niat kita itu. Apabila kita rasa macam *I want to contribute back to the people* [saya mahu menyumbang kembali kepada orang]. Jadi, apabila abang dapat peluang untuk bersama-sama --- Kalau kita bergerak secara individu, kita akan menghadapi kekangan. Kekangan dari segi, mungkin dari segi pergerakan yang terhad dan juga mungkin kewangan yang terhad dan sebagainya tapi apabila kita bersama dengan agensi kerajaan. Contohnya macam Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang mana kita boleh mengurangkan kekangan-kekangan tersebut. Kekangan pergerakan sebagai contohnya. Pada masa MCO [*Movement Control Order*] [Perintah Kawalan Pergerakan] yang pertama dulu, rakyat Malaysia semua tidak boleh keluar sampai 3 bulan, betul? Jadi, macam mana kita nak *contribute* [menyumbang], macam mana kita nak membantu, sedangkan kita sebagai rakyat yang terima arahan daripada kerajaan yang kita tidak dibenarkan keluar. Tetapi apabila abang bersama dengan angkatan pertahanan awam sebagai sukarelawan, yang mana kita mendapat akses untuk turun padang untuk membantu *frontliner* [barisan hadapan] yang sedang bertungkus-lumus pada masa itu untuk jadi *shield* [perisai] kepada COVID-19 [*Coronavirus disease*] [penyakit Coronavirus] yang menyerang Malaysia pada masa itu. Jadi, atas kapasiti sebagai sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam apabila masa itu ada *shortage of manpower* [kekurangan tenaga kerja], jadi kita turun padang bersama-sama dengan PDRM [Polis Diraja Malaysia], dengan - masa itu, ATM [Angkatan Tentera Malaysia] belum masuk lagi. PDRM dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan tugas untuk membantu rakyat dan juga negara pada masa itu dalam memerangi pandemik COVID-19. Dan juga kita pernah terlibat dengan *Humanitarian Aid* [bantuan kemanusiaan] ke Palu Sulawesi [Indonesia] yang mana pada masa itu, Palu telah dilanda *earthquake* (gempa bumi) dan juga tsunami yang dahsyat, yang

boleh katakan yang hampir meranapkan banyak bandar yang berdekatan. Jadi, kita telah terpanggil, masa itu bersama dengan MAPIM [Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia] dan juga Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, kita telah ke Palu Sulawesi untuk menghulurkan bantuan pada masa itu. Dan banyak lagi program-program *humanitarian* [kemanusiaan] yang telah kita jalankan bersama-sama dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan juga dengan MAPIM dan rakan strategik yang lain, banyak lagi ada. Dan itu antara komitmen kita sebagai rakyat Malaysia yang mahu *contribute* [menyumbang] balik kepada masyarakat dan negara.

KK : Jika tidak keberatan, bolehkah Dato' Sri ceritakan serba sedikit tentang sumbangan Dato Sri' dari aspek sosial dalam industri seni?

DSEY : Saya tidak menyumbang apa-apa [senyum]. Sebab apa? Pasal setiap apa yang kita buat itu --- dia macam inilah apa yang kita buat ini, kalau boleh biar orang yang pandang, lihat dan orang yang nilai. Macam seganlah. Nak bercakap pasal itu, pasal apa yang kami dah [sudah] lakukan, apa yang kami dah buat untuk industri, bagi abang masih terlalu sedikitlah kalau nak dibandingkan dengan apa yang kami dapat, sokongan yang pada daripada masyarakat, daripada rakan-rakan industri [seni] dan sebagainya. Kebetulan apabila kami diberi amanah, sebagai contohnya masa di FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional *Malaysia*], jadi kita jalankanlah tanggungjawab yang diamanahkan itu untuk kita menghulurkan bantuan dan juga apa keperluan yang diperlukan oleh golongan sasaran. Okey, ya, kebetulan ada di sini --- tanya dari segi *contribution* [sumbangan] abang, kan? Tapi abang segan nak jawab, kan? Kau orang nilai sendirilah. Dalam masa satu tahun, hanya satu tahun je [sahaja], abang diberi amanah, abang dah buat kerja banyak ini [sambil menunjukkan kertas kerja yang tebal]. Ini laporan '100 hari Jawatankuasa Hal Ehwal Warga Industri, Kebajikan dan Data Industri'. Ini suku tahun ke-4, tahun 2020 [sambil menunjukkan laporan] yang kita dah buat. *So* [jadi], ini baru setahun [sambil menunjukkan ketebalan dua laporan tersebut], tebal ini. Jadi, ini baru dekat FINAS, sebab itu bila tanya abang, abang segan nak jawab. Kau orang nilai sendiri. Yang ini, macam kalau kita ambil contoh macam ini

[menunjukkan kandungan laporan], sekarang, [menunjukkan pelbagai gambar-gambar aktiviti dalam laporan yang telah dijalankan], kita ada jawatan - yang ini kebajikan artis veteran Malaysia, kita banyak menyantuni, kita menyampaikan bantuan - ini bersama dengan menteri pada masa itu. Banyak kita ada, banyak contoh-contoh yang ada. _ _ terakhir, kita dah banyak jalankan kerja-kerja kebajikan. Banyaklah, yang ini semua abang simpan sebagai kenangan. Sebab itu kalau katalah *you all* [awak semua] tanya, abang tak tahu nak jawab apa. Ini baru setahun [sambil menunjukkan laporan tebal]. Jadi, kalau setahun dah macam ini, jangan tanyalah tahun-tahun yang lain. Sebab yang ini tak termasuk dengan MOFA [*Ministry of Foreign Affairs*] [Kementerian Luar Negeri]. MOFA punya tak masuk, banyak lagi. Jadi, macam inilah, sebab apabila masuk dalam industri [seni], di mana abang kata disebabkan minat yang amat mendalam untuk berada dalam industri. Tapi bila kita dah makin lama berada dalam industri, kita nampak, alamak, sayangnya kenapa industri kita sepatutnya boleh jadi A tapi tak menjadi seperti mana yang sepatutnya. Jadi, ianya menjadi tanggungjawab kepada senior-senior yang mahu niatkan perubahan demi untuk masa depan junior-junior kami. Macam contoh, abang sekarang ini dah [sudah] 51 tahun, apa juga yang kami perjuangkan mungkin kami tidak akan dapat *benefit* [faedah] tersebut. Tetapi ianya akan memberikan satu fenomena yang baru, satu perubahan yang baru kepada industri seni kreatif tanah air yang mana kita tidak tunjuk --- satu hari nanti, besok, kita boleh berjaya menyaingi Hollywood. Kita tengok Hollywood sekarang ini pun telah berjaya disaingi oleh China, oleh Korea Selatan, *even* [malah] India. Jangan cakap Bollywood, *even* [malah] Kollywood sekarang pun sudah sampai ke satu *level* [tahap] yang sangat hebat. Apa kurangnya kita? Kenapa kita tidak boleh menyaingi ataupun tidak boleh bersama-sama dalam kelompok elit tersebut? Disebabkan mentaliti. Mentaliti yang ada disebabkan kurangnya pejuang-pejuang yang mahu berjuang untuk membangunkan industri [seni] ataupun untuk mengangkat industri *to the next level* [ke peringkat seterusnya]. Jadi, kita perlukan orang-orang sebegini. Mungkin apa yang kami buat sekarang ini, kami tidak akan dapat, tak sempat nak merasa *benefit* [faedah] tersebut. Mungkin akan mengambil masa 5 tahun *or* [atau] 10 tahun ke 15 tahun. Tetapi kita nak cuba pastikan yang kita boleh sampai ke

arah itu. Paling tidak pun rapat ke arah itu. Itu yang sedang kita cuba untuk perkasakan tanpa kita menguar-uarkan kepada orang luar. Kalau tak pasal benda ini, *both of you* [awak berdua] pun tak tahu. Sebab itu cakap, kalau kita nak bercakap, macam abang nak bercakap dekat industri ataupun dekat orang luar atas kapasiti hanya sekadar Eizlan Yusof, siapa nak dengar. Jadi, kita perlukan kerajaan untuk bersama-sama dengan kita tapi kerajaan yang prihatin [lah] yang mahu mengangkat industri [seni] kita ke satu *level* [tahap] yang tinggi. Contoh, Korea Selatan. Presiden Korea Selatan sendiri telah mengangkat industri tersebut dan dibawa ke dunia luar. Sebab itulah BTS meletup, sebab itu BLACKPINK dikenali dengan begitu hebat. Sebab apa? Pasal kerajaan mereka sangat-sangat membantu dalam mempromosikan industri seni dia orang. Jadi, kita perlukan kerajaan kita untuk membantu juga. Bukan hanya sekadar sebagai jaguh kampung je [sahaja]. Kita hebat dalam negara, ke luar kita cari cikedis [makanan]. Sedangkan kita pun ramai orang yang hebat-hebat tapi kenapa tidak diberi peluang, kenapa tidak diketengahkan? Sayanglah tapi tak apa, jangan bimbang, kita ada beberapa pejuang-pejuang yang sedang menunggu masa je [sahaja] untuk *push* [desak], untuk berjuang demi untuk kelangsungan industri [seni] kita, Insya-Allah.

KK : **Insya-Allah. Okey. Menurut *posting* di *Instagram* milik Dato' Sri, Dato' Sri telah mewakili Malaysia untuk pergi ke *7th Pyongyang Film Festival Of Non-Aligned & Other Developing Countries* pada tahun 2000 di Korea Utara, bolehkah Dato' Sri ceritakan pengalaman yang Dato' Sri ingat semasa mewakili Malaysia di sana?**

DSEY : Di Korea Utara, sebab itu kawan-kawan abang pelik kenapa abang boleh pergi ke Korea Utara [ketawa]. Yang dapat pergi 2 orang je [sahaja], pasal bila kita *submit* [serahkan] nama, yang lepas 2 orang. 2 orang [adalah] orang industri [seni]. Selepas itu, ada wakil kerajaan. Di mana Korea Utara ini ialah kita tahu negara yang komunis yang sangat *strict* [tegas]. Apabila kita sampai je [sahaja] di *airport* [lapangan terbang], semua masing-masing kena serahkan *handphone* [telefon bimbit] masing-masing, kita tidak dibenarkan untuk pegang *handphone* [telefon bimbit]. *So* [jadi], bila kita tengok pasal Korea

Utara ini, ia mengamalkan negara tertutup yang bukan negara terbuka. Dan apabila kita bawa filem kita pergi sana, sambutan yang kita dapat sangat-sangat menggalakkan sehinggakan apabila kita --- Lepas itu, kita mainkan filem 'Perempuan Melayu Terakhir', sampai ke tangga-tangga penuh rakyat Korea Utara masuk panggung wayang tengok cerita tersebut. Dan Alhamdulillah, masa itu jugalah, Puan Erma Fatima, Kak Erma, dia telah dinobatkan sebagai Pengarah Wanita Terbaik pada masa itu. *So* [jadi], abang yang naik tapi Puan Erma tak ada, *so* [jadi], abang naiklah *stage* [pentas] ambil, mewakili Puan Erma dan juga mewakili Malaysia pada masa itu. Itu antara kenangan manis apabila pergi ke Pyongyang [Korea Utara]. *Bestlah* [seronoklah] [senyum].

KK : **Okey. Izza, soalan seterusnya mengenai anugerah.**

IM : **Seterusnya, kita pergi ke bahagian anugerah. Apakah perasaan Dato' Sri apabila mendapat anugerah *Nona Men's Celebrity Achievement Award (Nona Superhero Award 2021)*?**

DSEY : Itu _____ [senyum]. Tiba [tiba-tiba] dapat [senyum]. Dapat ini pasai mula-mula masuk pencalonan, mula-mula *Top 20* (20 teratas), lepas itu, *Top 10* (10 teratas), lepas itu, *Top 5* (5 teratas). Lepas itu, tiba-tiba dapat tahu, menang [terkejut]. "Okeylah, terima kasih" [senyum]. Kejutanlah sebab itu adalah satu pengiktirafan yang mana diberikan kepada kita, jadi, *of course happy*lah (sudah tentu gembiralah), kan? Sebab macam abang, setiap apa kerja yang kita nak buat ini, kita kena jaga nawaitu [niat], Insya-Allah yang lain semua akan *fall into place* [terjadi dengan sendiri]. _____. Terkejut, tiba-tiba [dapat]. Daripada *Top 20* [20 teratas] tu [itu]. Kita mana terfikir nak dapat, tapi itulah bila Allah dah kata ' "Awak punya, awak punyalah".

IM : **Bilakah Dato' Sri dianugerahkan Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Dato' Sri?**

DSEY : 2017. 2017, yang sebelum itu, 2010 [berfikir]. 2010 ke 2011? Itu semua rezekilah tu [itu]. Allah nak bagi, kan? Itu yang buat kadang-kadang kita goyang. Apabila macam-macam dapat. *Even* [malah] dalam Angkatan Pertahanan Awam baru-baru ini pun baru naik pangkat lagi. Jadi, itu semua dugaan [senyum]. Tapi itulah cakap, bila kita lari laju ke depan, sesekali kita pandang belakang. Itu konsep hidup abang. Supaya kita sentiasa jangan terasa nak terbang tinggi sangatlah. Takut terbang tinggi nanti, takut jatuh, jatuh berdebuk, kan?

IM : **Okey. Apakah penganugerahan darjah kebesaran yang lain pernah Dato' Sri terima?**

DSEY : Kalau ikutkan yang --- Darjah kebesaran istana ke apa?

IM : **Ya.**

DSEY : Kalau ikutkan sebelum ini, ada [lah] pingat-pingat peringatan dan sebagainya. Tapi kalau ikutkan darjah yang membawa gelaran [ada] dualah. Yang pertama, pada tahun 2011, DIMP [Darjah Indera Mahkota Pahang] yang *carry* [membawa] Dato'. Lepas itu, abang dapat SSAP [Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang] 2017, yang *carry* [membawa] Dato' Sri inilah. Lepas itu, yang lain-lain itu pingat-pingat yang tidak membawa gelaran. Yang pingat-pingat itu nanti boleh *refer* [rujuk] dekat *Wiki*, *Wiki* ada. Dekat *Wikipedia* itu boleh digunakan sebagai rujukan juga. Tapi yang itu, bila pingat-pingat pertabalan ini kira lebih kepada penghargaan je [sahaja], ia tidak membawa gelaran. Yang membawa gelaran, yang dua ini sahajalah, setakat ini, Alhamdulillah.

IM : **Okey. Soalan seterusnya. Boleh Dato' Sri kongsi kepada kami tentang harapan Dato' Sri kepada industri seni tanah air terhadap artis-artis veteran di Malaysia?**

DSEY : Artis veteran adalah keutamaan abang masa abang sebagai Pengerusi Warga

Industri, Kebajikan dan Data Industri sebab itu kita menyantuni warga veteran. Dan juga pada masa itu, CEO [Chief Executive Officer] [Ketua Pegawai Eksekutif] Dr Idham, kira ada satu *paper* [kertas kerja] yang mana telah dipersetujui oleh *Board of Directors* [Lembaga Pengarah] ahli perbadanan [FINAS] pada masa itu untuk menyantuni atau untuk mencari ruang supaya kita boleh membantu artis-artis veteran. Sebagai contohnya, kita cuba untuk mendapatkan elaun khas untuk artis veteran kita tetapi disebabkan pasal tatacara kerajaan yang begitu - Kami pun pening. *So* [jadi], ianya tidak mudah untuk dilaksanakan dan disebabkan waktu kontrak kami pun singkat. Jadi, apabila apa juga yang kita perjuangkan untuk industri [seni] dan kita mengharapkan *successor* [pengganti] ataupun orang yang menggantikan kami itu untuk meneruskannya [lah]. Sekiranya kalau mereka tidak teruskan, alamatnya tidak kesampaianlah. Tapi kita telah cuba untuk mencari ruang dan peluang untuk kita membantu warga industri di kalangan veteran. Contoh tadi, yang laporan yang abang tunjuk itu boleh dikatakan hampir semua berkenaan dengan veteran [lah]. Jadi, sekurang-kurangnya ada [lah] bukti ataupun bahan rujukan apa yang telah kita buat semasa kita diberi kuasa di dalam FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia] suatu ketika dulu. Jadi, ini akan menjadi satu bukti nyata yang kita memang berhasrat untuk memperjuangkan nasib warga industri veteran di tanah air. Jadi, sebab kita tidak memegang kuasa di tangan untuk satu jangka masa yang secukupnya untuk kita merealisasikan *proposal-proposal* [kertas kerja] tersebut. Tapi tak apa, perjuangan belum selesai [senyum]. Kami sentiasa memantau dan banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita timbulkan balik. Cuma menantikan waktu yang sesuai je [sahaja]. Kita memberikan sedikit ruang kepada yang menggantikan kami untuk menjalankan tugas masing-masing sepertimana yang telah diamanahkan. Dan sekiranya kalau tak buat kerja, nanti kami pakulah [senyum]. Garang tau abang ni [ini]. Abang _ tentang kerja memang garang. Tapi garang yang bertempatlah. Sebab kita nak buat benda yang elok, kan? Kita nak buat benda elok dan itu amanah yang telah diberikan kepada kita, jadi, kita buat kerjalah. Itu saja [sahaja].

- IM : Soalan seterusnya. Apakah impian Dato' Sri yang masih belum tercapai terutamanya dalam bidang lakonan?
- DSEY : Kalau tanya abang, abang tak ada spesifik [lah]. Kalau dulu mungkin abang bergerak atas kapasiti peribadi. Maksudnya, untuk capai *this and that* [ini dan itu] dan boleh katakan kalau atas kapasiti peribadi, abang dah [sudah] dapat apa yang abang nak. Nak cakap popular [terkenal], abang pernah jadi *number one* [nombor satu]. Abang dah [sudah] duduk di atas takhta artis yang *popular* [terkenal]. Maksudnya, abang pernah duduk dah takhta kat [dekat] situ. Kalau nak cakap *award* [anugerah], Alhamdulillah, abang dah [sudah] dapat. Abang dah dapat *award* [anugerah] apa yang abang nak. Kalau katalah macam dari segi tugas-tugas lain, abang cabar diri abang untuk menulis skrip, Alhamdulillah, 2005 dapat pencalonan, 2006 abang dapat pencalonan. Abang rasa abang nak *try* [cuba] sebagai pengarah, Alhamdulillah, abang dah sampai ke tahap itu. Dan boleh katakan kalau pencapaian peribadi, abang rasa abang dah [sudah] okey dah. Sekarang ini lebih kepada pencapaian secara keseluruhan industri seni kreatif tanah air. Sebab itulah, abang bersama dengan pejuang-pejuang industri yang ada untuk kita pergi ataupun untuk kita bawa industri kita *to the next level* [ke peringkat seterusnya]. Yang itu yang belum. Kalau peribadi, Alhamdulillah, rasanya abang dah [sudah] okey. Cuma sekarang ini, lebih kepada untuk *to sustain the graph* [untuk mengekalkan graf]. Apabila kita bermula dalam satu-satu industri, kita akan bermula dari satu titik kosong dan kita akan naik ke atas sampailah ke satu titik yang mana kita akan sampai ke satu *level* [tahap], *line* [garis] itu akan jadi *stagnant* [tidak bergerak]. Ia akan *stable* [stabil] macam itu. Jadi, sini nak naik, satu masalah. Masalah yang paling besar adalah *to sustain* [untuk kekal] dekat dalam industri. Kalau katalah kita tengok atas dasar populariti, selalunya populariti akan bertahan selama 5 tahun je [sahaja]. Yang betul-betul *very very popular* [sangat-sangat terkenal]. Lepas itu, dia akan turun kepada antara yang *popular* [terkenal]. Lepas itu, dia akan sampai ke satu situasi yang mana mereka ini akan berada di dalam *comfort zone* [zon selesa]. *Comfort zone* [zon selesa] itu maksudnya *line* [garis] yang *stagnant* [tidak bergerak]. Ini antara walaupun berada dalam *comfort zone* [zon selesa] tetapi *to sustain* [untuk kekal] untuk berada di dalam *comfort zone* [zon selesa] itu adalah satu perkara yang lain

pulak [pula]. Yang itu yang akan masuk keperibadian kita, kualiti kita, cara macam mana kita *approach* [mendekati] masyarakat, cara macam mana kita mendisiplinkan diri kita sebagai senior di dalam industri [seni] dan banyak lagi perkara-perkara yang perlu diambil kira untuk *sustain* [kekal] di dalam industri 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun.

IM : **Akhir sekali, sebarang kata-kata akhir kepada kami dan peminat di luar sana yang sentiasa menantikan kemunculan Dato' Sri untuk terus kembali dalam dunia seni.**

DSEY : Yang pertama sekali, abang nak ucapkan terima kasih kepada Izza, Kamilia kerana *both of you* [awak berdua] sudi untuk *accept* [terima] abang sebagai *assignment* [kerja kursus] kau orang. Abang nak *wish all the best* [ucap semoga berjaya] pada *both of you* [awak berdua] dan juga *your group* [kumpulan awak]. Dan abang harapkan seperti mana yang abang dah [sudah] cerita tadi kita perlukan pemikir di dalam industri [seni], pemikir di kalangan graduan-graduan seperti *both of you* [awak berdua] dan juga yang lainnya untuk bersama-sama kita meningkatkan ataupun kita memperkasakan industri seni kreatif tanah air. Sebenarnya, industri seni kreatif ini adalah satu platform yang sangat *best* [seronok]. Kenapa? Dalam Bahasa Inggeris [nya] apa? *Entertainment Industry* [industri hiburan], betul? Siapa tak suka *entertainment* [hiburan]? Kita *always* [sentiasa] nak *entertain ourselves* [hiburkan diri kita], kan? “Hari ini aku nak tengok *movie* [filem] lah, aku nak tengok wayang, aku nak tengok ‘Mat Kilau’.” Kenapa kita nak tengok ‘Mat Kilau’? Sebab kita nak *entertain* [hiburkan] diri kita untuk tengok sesuatu benda yang *best* [menyeronokkan]. Dato' Sri Siti Nurhaliza buat konsert. “Aku nak tengok Dato' Sri Siti Nurhaliza [lah] *perform* [mempersembahkan/ persembahan].” Kenapa? Kenapa kau orang pergi tengok konsert? Sebab kau orang nak *entertain* [hiburkan] diri kau orang. Kau orang nak *have fun* [berseronok]. Nama pun *entertainment* [hiburan], *is to entertain, right* [adalah untuk menghiburkan, betul]? Macam abang, apabila abang berada dekat dalam satu-satu lokasi penggambaran dan sebagainya, perkara yang pertama sekali yang abang buat adalah *to entertain myself* [untuk hiburan diri sendiri]. Kalau

abang tak boleh *entertain* [hiburkan] diri abang, kalau abang tak *happy* [gembira], macam mana abang nak *happykan* [gembirakan] Izza dan Kamilia. Nampak tak dia punya konsep itu? *So* [jadi], *entertainment industry* [industri hiburan], kalau katakanlah kau orang belajar *management* [pengurusan], ada salah satu daripada sama ada *chapter* [bab] ataupun *clause* [klausa] dekat dalam itu. Sebelum masuknya IT [*Information Technology*] [Teknologi Maklumat], yang masuk dalam industri ataupun yang masuk dalam kehidupan kita --- kita akan belajar tentang 3F, *three F's* [tiga F]. Industri yang *self sustain* [mampu kekalkan/ meneruskan diri], maksudnya dia akan berjalan berterusan. Ada 3F, yang ini kau orang boleh cari dalam buku pengurusan. F yang pertama adalah *Food Industry* [industri makanan]. F yang kedua, *Fashion Industry* [industri fesyen]. Dan F yang ketiga, *Film Industry* [industri perfileman]. Kenapa buku itu cakap *film industry* [industri perfileman]? Abang bagi contoh. Contoh yang sangat-sangat baik, yang terbaik. Kau orang ada Astro tak? Kau orang tengok tak? Ada Astro, kan? Astro ini kadang-kadang ada masanya *repeat* [ulang] program, betul? Apa jadi dekat kau orang? Kau orang bengang, kan? “Apa ini? Asyik *repeat* [ulang] je [sahaja].” Betul tak? Kau orang nak *fresh content* [kandungan terbaru], betul? Okey. Sama juga dengan yang 3F ini. *From time to time* [dari masa ke semasa], kita perlu ada *fresh content* [kandungan terbaru] secara berterusan *to entertain all of you, to entertain* [untuk hiburan awak semua, untuk hiburananan], kita kena makan sekejap lagi. Betul? Sama juga dengan fesyen. Kalau katalah fesyen asyik fesyen *bell-bottom* [sejenis stail seluar] daripada dulu-dulu sampai sekarang, kau orang pun kembang tekak. Kadang-kadang fesyen rambut senget sanalah, fesyen baju tersenget macam inilah, fesyen terjongkit-jongkitlah. Tapi fesyen yang *viral* [tular], betul? Jadi, 3F ini, dia akan berterusan, akan berjalan. Jadi, apabila macam katalah *you all* [awak semua] masuk dalam *fashion industry* [industri fesyen], *then you know*lah [maka awak tahulah]. Pasal dia akan ada *revolution* [revolusi] dan juga akan ada *evolution* [evolusi] yang akan selalu berterusan berjalan. Sama juga *food industry* [industri makanan], dan sama juga dengan *film industry* [industri perfileman]. Jadi, dalam erti kata yang lain, industri ini [industri seni] adalah salah satu industri yang *best* [seronok]. Satu, dia *entertainment industry* [industri hiburan] dan yang kedua, dia akan

berterusan, akan terus berjalan dan berjalan dan sebagainya. Itulah, kalau nak kupas jadi macam inilah. Sampai ke subuh nanti. Tak apa, nanti kalau katalah kita ada jumpa lagi, bagi ceramah nanti, besok kita buat pengupasan. Sebab itu abang cakap kenapa industri perlukan orang macam *you all* [awak berdua], sebab kita perlu *revamp* [rombak] industri kita supaya kita ni [ini] jadi warga industri seni kreatif tanah air yang berilmu. Sebab kita perlu ada ilmu untuk kita pergi berperang, bukannya pergi membabi buta je [sahaja]. Tak boleh, kalau membabi buta nanti orang cakap ini semua tak boleh pakai. Sebab orang-orang yang kat luar itu adalah orang-orang yang hebat-hebat. *So* [jadi], kita kena *at least* [sekurang-kurangnya] _ dengan dia orang untuk kita nak bercakap pasal industri. *You must have knowledge* [awak perlu ada ilmu], *you must have experience* [awak perlu ada pengalaman] *and you must have paper* [awak kena ada sijil] *in order to do your presentation* [untuk buat pembentangan awak]. Barulah orang akan macam, “*Not bad* [boleh tahan], jom kita *try Malaysian industry* [cuba industri di Malaysia]”. Dia baru terbuka. Itu yang kita nak buat masa kita dekat MOFA [*Ministry of Foreign Affairs*] [Kementerian Luar Negeri]. Kita nak buka pintu industri [seni] kepada dunia luar, *please come* [sila datang], *we have expertise* [kami ada kepakaran]. Ini yang kita nak tapi sekarang kita tak ada. Kita ada majoriti [golongan] *by heart* [ilmu di dada] tapi di mana *graduates* (graduan)? Kita perlu ahli fikir. Kau orang adalah pemikir. Pasal ini adalah apa yang kau orang lalui sebagai pelajar. *We need theory* [kami perlukan teori] untuk kita *blendkan* [campurkan] dengan praktikal. Barulah cun. Kalau tak, takkanlah kita orang yang dah tua-tua ini masih belajar. Sebab kita dah nampak kelemahan tersebut. Kita dah nampak dah kelemahan itu sebab itulah kita *urge* [paksa], kita *push our junior go at least Bachelor* [desak junior kami belajar sekurang-kurangnya Sarjana Muda]. *Get* [dapatkan], *grab the* [ambil] ilmu. Kebetulan UUM [Universiti Utara Malaysia] ada buat program macam itu. Ada lima enam orang yang dah nak *grad* [habis belajar] tahun ini adalah orang-orang yang abang *push* [desak]. Alhamdulillah, sekarang ini bila dia jumpa abang, “Abang, terima kasih banyak-banyak, abang.” Sebab *we need people like you all* [kita perlukan orang-orang macam awak semua] untuk berada sama-sama dengan kita. Ini *graduate* [graduan] datang masuk industri, lepas itu *fed up* [muak], *blah* [pergi]

je [sahaja], cari kerja lain. *We don't want to lose people like you all* [kami tidak mahu kehilangan orang seperti anda semua]. Tapi masalahnya tak ramai yang kental, ramai yang bukan *fighters* [pejuang], jenis yang boleh tahan tsunami yang menghentam dia orang. Lepas itu, dia orang blah [pergi]. Setiap orang ada kelebihan masing-masing. Kita kena *put aside our weakness* [ketepikan kelemahan kita]. Kita kena *lift up our strength* [angkat kekuatan kita]. Macam *both of you* [awak berdua] mungkin kau orang kurang *knowledge* [ilmu] dari segi praktikal, *but you have theories and we need theories* [awak ada teori dan kami perlukan teori] untuk berhadapan dengan dunia luar. *Don't give up* [jangan putus-asa]. *And I hope that both of you* [dan saya harap awak berdua] abang akan jumpa dalam industri, Insya-Allah. *Don't worry* [jangan risau], kita orang ada, *we will support you* [kami akan sokong awak]. Siapa berani bantai Izza dan Kamilia. Kalau katalah ada orang-orang yang macam kami yang menghargai orang-orang macam *you all* [awak semua], kita nak pemikir yang ada.

6.0 LOG TEMUBUAL

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Dato' Sri Eizlan Yusof mengenai latar belakang dan pengalaman beliau sebagai seorang pelakon tanah air yang berdurasi selama 2 jam 41 minit.

LOG	TOPIK	
00:00:50 – 00:07:54	Latar Belakang Peribadi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nama Tokoh: Idris Bin Md Yusof ▪ Lebih dikenali sebagai Eizlan Yusof ▪ Dilahirkan di Kuala Lumpur pada 14 Julai 1971 ▪ Mempunyai 5 orang adik-beradik ▪ Merupakan anak kedua dalam keluarga ▪ Umur: 51 tahun ▪ Menetap di Kuala Lumpur ▪ Nama ibu: Ramlah Binti Latif ▪ Nama ayah: Mohamad Yusof Bin Abdullah ▪ Nama isteri: Natasha Rosa Boudville ▪ Mempunyai 4 orang cahaya mata ▪ Hobi ketika masa lapang ialah boling dan selam skuba
00:07:55 – 00:14:26	Latar Belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Temerloh, Kuala Lumpur ▪ Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Vivekananda Brickfields ▪ Diploma Kejuruteraan Elektrik di Federal Institute of Technology ▪ Diploma Pengurusan Perniagaan di Kolej Tun Abdul Razak (atau UNITAR) yang berkolaborasi dengan Swansea Institute of Higher Education pada masa itu ▪ Master of Science Management di UUM

00:14:27 – 00:20:25	Pengalaman Pekerjaan Awal	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Selepas tamat pengajian, beliau bekerja di MIDFCCS ▪ Beliau merupakan rakan kongsi sebuah syarikat arang batu di Indonesia pada tahun 2008 ▪ Pada tahun 2012, beliau juga bekerja di Midas Surplus Management Sdn Bhd ▪ Beliau pernah menjadi salah seorang daripada Lembaga Pengarah di FINAS
00:20:26 – 01:40:11	Kerjana Seni Lakonan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beliau bermula sebagai seorang model iklan pada tahun 1983 ▪ Beliau mula berlakon pada tahun 1994 untuk sebuah filem berjudul 'Kad Cinta' ▪ Faktor utama beliau menjadi seorang pelakon adalah kerana minat yang terlalu mendalam ▪ Beliau juga berjinak-jinak dalam penulisan skrip ▪ Beliau mengarahkan drama iaitu 'Lima Bujang' dan filem, 'Town Mall' ▪ Drama yang dilakonkan oleh beliau dan paling beliau ingati ialah 'Jaguh-jaguh'
01:40:12 – 02:07:16	Kerjaya Sampingan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beliau merupakan Pengerusi Midas Surplus Management Sdn Bhd ▪ Beliau juga memegang jawatan sebagai Pengarah Kewangan di sebuah syarikat arang batu iaitu PT Barracuda Topcoal Almughni, Indonesia ▪ Beliau pernah memegang jawatan sebagai Perunding Kreatif di MOFA ▪ Beliau banyak melibatkan diri dengan APM untuk menyertai program kebajikan

02:07:17 – 02:20:53	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beliau merupakan sukarelawan dalam program Humanitarian Aid under Malaysia Civil Defence Force (APM) during COVID-19 Pandemic 2020 ▪ Beliau juga terlibat dengan program bantuan kemanusiaan ke Palu Sulawesi, Indonesia yang dilanda gempa bumi dan tsunami pada tahun 2018 ▪ Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Warga Industri, Kebajikan dan Data Industri di FINAS pada tahun 2020 ▪ Beliau mewakili Malaysia untuk pergi ke 7th Pyongyang Film Festival Of Non-Aligned & Other Developing Countries pada tahun 2000 di Korea Utara
02:20:54 – 02:40:32	Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beliau telah memenangi anugerah Nona Men's Celebrity Achievement Award (Nona Superhero Award 2021) ▪ Pada tahun 2011, beliau dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang yang membawa gelaran Dato' ▪ Pada tahun 2017, beliau dianugerahkan Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang yang membawa gelaran Dato' Sri

7.0 HASIL KAJIAN

Dalam bahagian ini, akan dibincangkan dan menjawab persoalan kajian berdasarkan hasil yang diperolehi melalui hasil temubual Dato Seri' Eizlan Yusof. Terdapat tiga persoalan yang timbul mengenai topik yang di kaji dalam kajian sejarah lisan ini iaitu bagaimana latar belakang tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof,apakah sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof dalam penerbitan filem dan drama tv, dan apakah pencapaian dan cabaran tokoh dalam bidang seni lakonan.

7.1 Latar Belakang Tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof

Tokoh Dato' Sri Eizlan Yusof atau nama sebenar beliau, Idris Bin Md Yusof. Beliau dilahirkan pada 14 Julai 1971 serta merupakan seorang pelakon dan pengarah Malaysia. Beliau mula berkecimpung di dalam dunia perfileman pada tahun 1994 melalui filem 'Kad Cinta'. Semenjak itu, beliau telah terlibat dalam pelbagai filem dan telah melakonkan pelbagai watak. Beliau membesar dengan arwah nenek iaitu mak kepada ibu beliau sehingga umur lebih kurang dalam empat hingga lima tahun. Kemudian, ketika usia tokoh berusia sebelas tahun, ibu dan bapa beliau berpisah. Jadi, beliau kembali tinggal bersama nenek sehinggalah pada tahun 1991 dimana nenek meninggal dan beliau tinggal bersama keluarganya kembali.

Tokoh mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Temerloh, Kuala Lumpur. Selepas itu, beliau bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Vivekananda Brickfields, Kuala Lumpur. Tokoh juga telah melanjutkan pengajian di Federal Institute of Technology (F.I.T) dalam jurusan Diploma Kejuruteraan Elektronik dan jurusan Diploma Pengurusan Perniagaan di Kolej Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur atau sekarang lebih dikenali sebagai UNITAR (United Nations Institute for Training and Research).

Almarhum bapa tokoh iaitu Mohamad Yusof bin Abdullah yang merupakan seorang mualaf dan bekerja sebagai seorang eksekutif chef. Manakala ibu tokoh bernama Ramlah Binti Latif yang merupakan seorang peniaga ketika itu. Tokoh mempunyai lima orang adik-beradik dan beliau ialah anak kedua dalam keluarga. Tokoh pernah mendirikan rumah tangga sebelum bercerai dan kini tokoh berkahwin dengan pasangan barunya Natasha Rosa Boudville, seorang wanita berketurunan Serani pada 12 Disember 2019. Tokoh telah dikurniakan 4 cahaya mata, tiga perempuan dan satu lelaki yang bernama Vie Zaara, Zareef Yusof, Vie Zaalia dan juga Zaelynn Rosa.

7.2 Sumbangan Dato' Sri Eizlan Yusof sebagai Pengarah

Sumbangan tokoh sebagai pengarah dalam filem, telefilem dan drama TV di Malaysia antaranya ialah filem 'Town Mall' dan 'Hanya Namamu Laila'. Bagi telefilem pula ialah 'Tragedi Balik Kampung', 'Mencari Muhammad', dan 'Perfect Raya'. Berserta drama berjudul '5 Bujang' yang juga merupakan drama bersiri yang beliau telah arahkan.

Kesemua hasil arahan beliau ini mendapat sentuhan dan hasil yang sangat baik. Walaupun tokoh sendiri menceritakan pengalaman beliau mencuba adalah untuk mencari pengalaman menjadi seorang pengarah. Ini kerana kerjaya utama beliau ialah sebagai seorang pelakon dan beliau banyak menumpukan kerjayanya sebagai seorang pelakon berbanding sebagai seorang pengarah.

7.3 Pencapaian dan Cabaran Tokoh Dalam Bidang Seni Lakonan

Pencapaian sebenar dan cabaran terbesar tokoh dalam bidang seni lakonan ialah apabila beliau menjadi seorang pelakon berbakat dengan lakonan yang dapat membuatkan peminat seni kreatif tanah air mengingati dan menghargai lakonan beliau. Itulah antara kata-kata yang dilontarkan oleh tokoh. Namun begitu, pencapaian yang dapat direkodkan ialah beliau pernah mendapat anugerah dalam bidang seni lakonan.

Pada tahun 2021, beliau dianugerahkan sebagai *Nona Men's Celebrity Achievement Award - Nona Superhero Award 2021*, yang merupakan pencapaian terkini beliau. Pada tahun 1998, beliau telah memenangi anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik di Anugerah Skrin 1998 di TV3 melalui persembahannya di dalam filem 'Panas'. Pada tahun berikutnya iaitu 1999, tokoh telah di nobatkan sebagai Pelakon Lelaki Harapan melalui persembahan lakonannya di dalam filem 'Perempuan Melayu Terakhir' di Anugerah Festival Filem Malaysia ke-14. Walaupun telah dikenali sebagai pelakon serba boleh dan berkaliber, beliau tidak segan memainkan watak kecil di dalam mana-mana filem.

Selain itu, tokoh juga telah dinobatkan sebagai '*Asian Most Promising Actor*' di *24th Chunsa Film Awards* pada tahun 2019 di Korea Selatan. Anugerah ini sangatlah anugerah yang sangat besar bagi diri beliau. Anugerah ini telah dicalonkan oleh pihak yang berkaitan oleh kerana mutu lakonan beliau yang sangat bagus. mendidik murid dan ibu bapa serta menyantuni golongan yang kurang berkemampuan.

Selain itu, beliau juga telah menghadapi pelbagai cabaran sebelum menjadi seorang pelakon yang bagus. Ini menunjukkan cabaran yang beliau hadapi telah berjaya beliau hadapi

dengan sebaiknya serta telah membuatkan beliau menjadi salah seorang pelakon ataupun anak seni yang dikenali di tanah air.

Antara cabaran yang beliau hadapi ialah mendapat tanggapan sebagai pelakon 'kayu' iaitu pelakon yang bermodalkan rupa sahaja dan tidak berbakat untuk berlakon. Walaubagaimanapun, semua itu tidak mematahkan semangat beliau untuk terus maju dalam industri seni. Malah, tanggapan itu telah menjadi pembakar semangat buat beliau untuk membuktikan keupayaan beliau menjadi seorang pelakon yang hebat dan berjaya.

Hal ini dapat dibuktikan melalui pengaungerahan yang telah beliau capai. Sudah terang lagi bersuluh, beliau layak mendapat semua anugerah itu kerana beliau bukan sahaja merupakan seorang pelakon tetapi beliau juga ibarat inspirasi kepada generasi anak seni yang akan datang untuk terus maju di dalam seni kreatif tanah air.

8.0 INDEKS

A

Alpa 36, 38, 39, 41

B

BLACKPINK 60

BTS 60

H

Hollywood 17, 59

K

Korea Selatan 27, 38, 53, 54, 59, 60, 73

Korea Utara 27, 60, 61, 71

Korporat 15, 16, 46, 49, 56

L

Laporan 58, 59, 63

M

Majalah 21

P

Peragaan 17

Platform 45, 65

9.0 GLOSARI

Alpa	Lalai, kurang mengendahkan.
Industri	Perusahaan (biasanya secara besar-besaran) untuk membuat, menghasilkan, mengeluarkan barangan.
Korporat	Berkaitan dengan syarikat atau perbadanan atau firma-firma besar.
Program	Rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan (dalam pembangunan negara, perekonomian), acara pertandingan (pertunjukan), susunan rancangan seperti drama, muzik, filem dan sebagainya yang ditonton di TV atau didengar di radio.
Seni	Karya (sajak, lukisan, muzik, dan lain-lain) yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan.

10.0 RUJUKAN

- Artis veteran susut nilai.* (2021). Berita Harian. Diakses pada 24 April 2022. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>
- Definisi seniman.* (2022). Kamus Educalingo. Diakses pada 24 April 2022. <https://www.worldcat.org/title/kamus-dewan/oclc/880308684>
- Haja Mohaideen, A. R., & Abu Bakar, M. S. (2018). Meneroka permasalahan tenaga modal insan dalam industri filem di Malaysia. *Forum Komunikasi* (Vol. 13, No. 1, pp. 41-56). Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA.
- Hisham, H. T. (2015). Cabaran industri Filem Melayu, pandangan penggiat industri dan penonton (Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamus Educalingo. Definisi Seniman. Diakses pada 24 April 2022 daripada <https://www.worldcat.org/title/kamus-dewan/oclc/880308684>.
- Sorotan Getaran 2021: Kemelut isu industri kreatif hiburan (perfileman).* (2021). Getaran. Diakses pada 24 April 2022. <https://www.getaran.my/artikel/tara/16744/sorotan-getaran-2021-kemelut-isu-industri-kreatif-hiburan-perfileman>

11.0 LAMPIRAN

11.1 Lampiran 1 – Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Idris bin Md Yusof K/P: 710714-10-6015 pada
..... 4 Julai 2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Nama tokoh)
Tarikh: 4 Julai 2022

.....
(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.2 Lampiran 2 – Soalan Temubual

LATAR BELAKANG PERIBADI

a) Diri Sendiri

Jadi untuk permulaan ini, bolehkah Dato' Sri ceritakan tentang latar belakang Dato' Sri, bermula dengan.....

1. Siapakah nama sebenar Dato' Sri?
2. Apakah nama gelaran Dato' Sri yang diberi oleh peminat suatu ketika dahulu? Adakah nama itu masih kekal sehingga kini?
3. Mengapa nama gelaran itu diberikan kepada Dato' Sri? Boleh nyatakan alasannya.
4. Bilakah Dato' Sri dilahirkan?
5. Berapakah usia Dato' Sri sekarang?
6. Di manakah Dato' Sri dilahirkan dan dibesarkan?
7. Di manakah Dato' Sri menetap sekarang?
8. Berapa lama Dato' Sri sudah menetap di situ?
9. Bersama siapa Dato' Sri menetap di situ?
10. Siapakah nama bu bapa Dato' Sri?

11. Ibu bapa Dato' Sri berasal dari mana?
12. Apakah pekerjaan ibu bapa Dato' Sri?
13. Berapakah bilangan adik beradik Dato' Sri?
14. Dato' Sri anak yang keberapa dalam keluarga?
15. Siapakah nama isteri Dato' Sri?
16. Berapakah usia isteri Dato' Sri?
17. Berapakah bilangan cahaya mata Dato' Sri?
18. Boleh beritahu kami siapa nama anak Dato' Sri?
19. Berapa usia anak Dato' Sri sekarang?
20. Apakah hobi Dato' Sri ketika masa lapang?

Latar Belakang Pendidikan:

i. Sekolah Rendah

21. Apakah nama sekolah rendah Dato' Sri?
22. Tahun bilakah Dato' Sri memulakan dan menamatkan persekolahan rendah?
23. Adakah Dato' Sri pernah memegang apa-apa jawatan seperti pengawas sekolah?
24. Adakah Dato' Sri mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasadi sekolah rendah?

ii. Sekolah Menengah

25. Apakah nama sekolah menengah Dato' Sri?
26. Tahun bilakah Dato' Sri memulakan dan menamatkan sekolah menengah?
27. Pencapaian tertinggi yang pernah Dato' Sri perolehi semasa di peringkat sekolah?
28. Apakah subjek yang paling Dato' Sri gemari?
29. Adakah Dato' Sri aktif melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum?

Pengajian tinggi:

30. Selepas menamatkan pengajian di sekolah menengah, adakah Dato' Sri menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi?
31. Apakah faktor utama yang mendorong Dato' Sri untuk meneruskan pengajian?
32. Apakah nama universiti Dato' Sri semasa belajar?
33. Apakah kursus yang Dato' Sri ambil semasa di universiti?
34. Tahun bilakah Dato' Sri menamatkan pengajian peringkat tinggi?
35. Adakah Dato' Sri aktif melibatkan diri dalam aktiviti di universiti ketika itu?
36. Apakah pengalaman manis ketika bergelar sebagai seorang pelajar?
37. Bolehkah Dato' Sri ceritakan pengalaman dan cabaran semasa meneruskan pengajian?
38. Apakah pencapaian terbaik yang pernah Dato' Sri perolehi di universiti?

KERJAYA

a) Kerjaya Awal

39. Apakah pekerjaan pertama Dato' Sri selepas tamat pengajian?
40. Bolehkah Dato' Sri beritahu kami pekerjaan yang pernah Dato' Sri ceburi?
41. Apakah nama tempat pertama Dato' Sri bekerja?
42. Mengapakah Dato' Sri bekerja di situ?
43. Berapa lamakah Dato' Sri bekerja di situ?
44. Apakah jawatan yang disandang oleh Dato' Sri ketika bekerja di sana?
45. Apakah pengalaman bersama rakan sekerja yang tidak dapat dilupakan oleh Dato' Sri semasa bekerja di sana?

b) Bidang Lakonan

46. Bilakah Dato' Sri mula menceburkan diri dalam bidang lakonan?
47. Mengapakah Dato' Sri berminat untuk menjadi seorang pelakon?
48. Bolehkah Dato' Sri ceritakan sedikit pembabitan awal yang dilakukan Dato' Sri untuk menjadi pelakon?
49. Berapakah usia Dato' Sri semasa mula menjadi pelakon?
50. Bagaimanakah perasaan Dato' Sri apabila menceburkan diri dalam bidang ini?

51. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Dato' Sri masa memulakan kerjaya sebagai seorang pelakon?
52. Siapakah yang bertanggungjawab memperkenalkan Dato' Sri ke dunia lakonan?
53. Bolehkah Dato' Sri kongsi matlamat utama Dato' Sri menceburibidang lakonan?
54. Berapa lamakah Dato' Sri menceburkan diri dalam bidang lakonan?
55. Apakah judul filem pertama yang Dato' Sri berlakon?
56. Mengenai filem "Kad Cinta" yang pernah popular satu ketika dahulu, apakah babak yang Dato' Sri lakonkan dalam filem tersebut?
57. Siapakah penerbit untuk filem "Kad Cinta"?
58. Siapakah pelakon lain dalam filem "Kad Cinta" tersebut?
59. Bolehkah Dato' Sri ringkaskan filem tersebut mengenai apa?
60. Adakah Dato' Sri pernah bekerjasama dengan artis luar negara dalam lakonan untuk penghasilan drama?
61. Mengenai filem "Pontianak Harum Sundal Malam" yang merupakan salah satu filem popular disebabkan penceritaannya yang menarik, bolehkah Dato' Sri kongsi pengalaman Dato' Sri ketika berlakon bersama barisan pelakon yang hebat dalam filem tersebut?
62. Mengenai filem "Pisau Cukur", apakah pengalaman yang Dato' Sri ingat semasa belakon dalam filem tersebut yang ditayangkan di pawagam pada tahun 2009?
63. Antara drama yang Dato' Sri telah lakonkan, yang manakah drama yang paling Dato' Sri gemari?
64. Drama "Bukan Cinta Aku" telah mendapat sambutan hangat dari peminat tanah air, bolehkah Dato' Sri beritahu siapakah pengarah drama "Bukan Cinta Aku"?
65. Siapakah antara pelakon yang terlibat dalam menjayakan drama "Bukan Cinta Aku"?
66. Apakah pengalaman Dato' Sri ketika berlakon dalam drama "Bukan Cinta Aku"?
67. Berkenaan drama bersiri "Astana Idaman" yang begitu popular suatu ketika dahulu, bolehkah Dato' Sri ceritakan pengalaman Dato' Sri semasa berlakon

- bersama dengan barisan pelakon veteran dalam drama tersebut?
68. Bolehkah Dato' Sri beritahu kami judul drama terbaru lakonan Dato' Sri yang bakal ditayangkan?
 69. Bolehkah Dato' Sri ceritakan serba sedikit sinopsis drama tersebut?
 70. Bolehkah Dato' Sri beritahu kami siapakah antara barisan pelakon yang terlibat dalam drama itu?
 71. Berapa lamakah tempoh suntungan untuk sesebuah drama/ telefilem?
 72. Pada pendapat Dato' Sri, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang itu untuk menjadi seorang pelakon yang dihormati dan dikagumi?
 73. Siapakah artis Malaysia yang paling Dato' Sri kagumi? Nyatakan sejak bila dan mengapa.
 74. Setelah lama berada dalam industri seni lakonan, apakah tanggapan Dato' Sri terhadap bidang lakonan dalam industri seni Malaysia?
 75. Apakah pandangan Dato' Sri mengenai perkembangan industri hiburan dari awal Dato' Sri melibatkan diri hingga kini?
 76. Telah sedia maklum semasa bermulanya pandemik COVID-19, ramai orang dan artis-artis veteran tanah air terkesan dan telah hilang punca pendapatan. Adakah Dato' Sri pernah hadapi situasi seperti mereka?
 77. Bagaimana Dato' Sri berhadapan dengan situasi tersebut?
 78. Bagaimana pandangan Dato' Sri terhadap peminat Dato' Sri?
 79. Boleh Dato' Sri kongsi kepada kami tentang pengalaman yang tidak boleh Dato' Sri lupa sepanjang menjadi seorang pelakon dalam bidang lakonan di Malaysia?

c) Sebagai Pengarah

80. Bilakah Dato' Sri mula menjadi seorang pengarah?
81. Apakah faktor yang mendorong Dato' Sri untuk menjadi seorang pengarah?
82. Apakah judul drama atau filem yang pernah Dato' Sri arahkan?
83. Siapakah antara pelakon yang terlibat dalam menjayakan filem/ drama tersebut?
84. Apakah nama syarikat yang menerbitkan filem/ drama yang telah Dato' Sri arahkan?
85. Bolehkah Dato' Sri ceritakan serba sedikit pengalaman menjadi pengarah?

d) Sebagai Penerbit

86. Bilakah Dato' Sri mula menjadi seorang penerbit?
87. Apakah judul drama atau filem yang pernah Dato' Sri terbitkan?
88. Siapakah antara pelakon yang terlibat dalam menjayakan filem/ drama tersebut?
89. Apakah nama syarikat penerbitan yang terlibat dengan filem/ drama tersebut?
90. Bolehkah Dato' Sri ceritakan serba sedikit pengalaman menjadi penerbit?

e) Bidang Bisnes

91. Bolehkah Dato' Sri kongsi pengalaman kerjaya di samping lakonan dan penerbitan?
92. Bilakah Dato' Sri dilantik atau ditawarkan untuk memegang jawatan tersebut?
93. Apakah perasaan Dato' Sri apabila dilantik untuk memegang jawatan tersebut?
94. Sudah berapa lamakah Dato' Sri memegang jawatan tersebut?
95. Berapakah bilangan pekerja yang bekerja di bawah syarikat Dato' Sri sekarang?
96. Adakah jawatan ini merupakan satu tanggungjawab yang besar bagi Dato' Sri?
97. Pada pendapat Dato' Sri, apakah sumbangan Dato' Sri sepanjang memegang jawatan ini?
98. Bagaimana tercetusnya idea untuk melibatkan diri dalam bidang tersebut?
99. Apakah faktor yang mendorong Dato' Sri untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan ?
100. Adakah terlibat sebarang rakan kongsi dalam bisnes itu?
101. Sejauh mana bisnes/kerja itu membantu dalam kehidupan?
102. Apakah pandangan Dato' Sri mengenai perkembangan syarikat tersebut dari awal Dato' Sri melibatkan diri hingga kini?
103. Adakah bisnes Dato' Sri terkesan akibat pandemik?
104. Menurut akhbar Berita Harian, Dato' Sri pernah dilantik sebagai Perunding Kreatif di Kementerian Luar Negeri, bolehkah Dato' Sri ceritakan pengalaman Dato' Sri memegang jawatan ini?
105. Menurut Astro Awani, Dato' Sri pernah memegang beberapa jawatan dalam FINAS, bolehkah Dato' Sri beritahu jawatan apa yang Dato' Sri pegang?

106. Bolehkah Dato' Sri ceritakan pengalaman memegang jawatan dalam FINAS?
107. Adakah Dato' Sri pernah melibatkan diri dalam mana-mana Badan Kerajaan selain Kementerian Luar Negeri dan FINAS?
108. Adakah Dato' Sri pernah melibatkan diri dalam mana-mana Badan Bukan Kerajaan (NGO)?
109. Pernahkah Dato' Sri terlibat dengan program kebajikan? Bolehkah Dato' Sri ceritakan serba sedikit pengalaman semasa terlibat dengan program tersebut?

SUMBANGAN & ANUGERAH

Seterusnya, bolehkah Dato' Sri kongsi dengan kami sumbangan dan anugerah/ pencapaian dalam kehidupan Dato' Sri dari segi:

a) Sumbangan

110. Apakah sumbangan tenaga/ kewangan dari Dato' Sri kepada masyarakat? Boleh Dato' Sri kongsi kepada kami?
111. Sepanjang penglibatan Dato' Sri dalam program *Humanitarian Aid under Malaysia Civil Defence Force (APM) during COVID-19 Pandemic 2020*, apakah kenangan yang Dato' Sri tidak dapat lupakan?
112. Jika tidak keberatan, bolehkah Dato' Sri ceritakan serba sedikit tentang sumbangan Dato' Sri' dari aspek sosial dalam industri seni?
113. Adakah sumbangan dari aspek sosial yang diberikan dalam industri seni memberi impak kepada Dato' Sri?

114. Menurut *posting* di *Instagram* milik Dato' Sri, Dato' Sri telah mewakili Malaysia untuk pergi ke *7th Pyongyang Film Festival Of Non-Aligned & Other Developing Countries* pada tahun 2000 di Korea Utara, bolehkah Dato' Sri ceritakan pengalaman yang Dato' Sri ingat semasa mewakili Malaysia di sana?
115. Menurut *Harian Metro*, Dato' Sri mewakili Malaysia untuk pergi ke *24th Chunsa Film Awards 2019* di Korea Selatan, bolehkah Dato' Sri ceritakan pengalaman Dato' Sri di sana ketika mewakili Malaysia?

b) Anugerah

116. Bolehkah Dato' Sri ceritakan lebih lanjut mengenai anugerah yang Dato' Sri pernah menangi?
117. Adakah anugerah Pelakon Lelaki Harapan yang Dato' Sri menangi semasa di Anugerah Festival Filem Malaysia Ke-14 memberi impak kepada Dato' Sri?
118. Apakah perasaan Dato' Sri apabila mendapat anugerah daripada luar negara iaitu *Asian Most Promising Actor* semasa menghadiri diri di *24th Chunsa Film Awards (Chunsa Asia Awards 2019)* yang diadakan di Korea Selatan?
119. Apakah perasaan Dato' Sri apabila mendapat anugerah *Nona Men's Celebrity Achievement Award (Nona Superhero Award 2021)*?
120. Bilakah Dato' Sri dianugerahkan Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Dato' Sri?
121. Pada pendapat Dato' Sri, apakah sumbangan atau faktor yang melayakkan Dato' Sri dianugerahkan pangkat tersebut?
122. Menurut Harian Metro, Dato' Sri telah menerima pentauliahian Leftenan Kolonel (Bersekutu) Angkatan Pertahanan Awam (APM), apakah perasaan Dato' Sri apabila telah menerima penganugerahan ini?
123. Apakah penganugerahan darjah kebesaran yang lain pernah Dato' Sri terima?
124. Boleh Dato' Sri kongsi kepada kami tentang harapan Dato' Sri kepada industri seni tanah air terhadap artis-artis veteran di Malaysia?
125. Apakah impian Dato' Sri yang masih belum tercapai terutamanya dalam bidang lakonan?
126. Selain itu, apakah rancangan Dato' Sri bagi diri sendiri untuk masa hadapan dalam bidang lakonan?
127. Sebagai salah seorang anak seni yang banyak memberi inspirasi terhadap bakat-bakat baru di luar sana, apakah harapan Dato' Sri untuk industri seni lakonan pada hari ini terutamanya bagi pelakon baru yang ingin menceburi bidang lakonan?
128. Akhir sekali, sebarang kata-kata akhir kepada kami dan peminat di luar sana yang sentiasa menantikan kemunculan Dato' Sri untuk terus kembali dalam dunia seni.

11.4 Lampiran 3 – Diari Kajian

29 MAC 2022- 8:00 pagi -10:00 pagi

Dapat maklumat mengenai tugas sejarah lisan dari pensyarah. Catatan awal dibuat untuk mencari maklumat tokoh

31 MAC 2022- 11:30 pagi -12:45 tengahari

Mula membuat kajian mengenai pemilihan tokoh berkenaan ,Menyenarai pendek tokoh

3 APRIL 2022-3:15 petang-4:30 petang

Pemilihan pertama memilih Dato' Sri Eizlan Yusof dan Uji Rashid

4 APRIL 2022-2:00 petang- 3:45 petang

Mencari maklumat mengenai tokoh,Mencari maklumat dengan lebih terperinci mengenai Dato' Sri Eizlan Yusof dan Uji Rashid

5 APRIL 2022-9:00 pagi-9:45 pagi

Pemilihan akhir adalah Dato' Sri Eizlan Yusof

10 APRIL 2022-9:30 pagi

Menyiapkan *abstract* untuk mendapatkan kelulusan penyarah untuk menemu bual Dato'Sri Eizlan Yusof dan menyiapkan *abstract*

12 APRIL 2022-1:30 petang

Mengisi *form* untuk mendapatkan borang kajian, dan mengisi *form* yang diberikan di *Google Classroom*

24 APRIL 2022-3:25 petang

Mendapatkan kelulusan daripada pensyarah untuk membuat penyelidikan ke atas Dato' Sri Eizlan Yusof

27 APRIL 2022-10:30 pagi

Menghubungi Dato' Sri Eizlan Yusof untuk mendapatkan persetujuan untuk ditemubual
Menghubungi Dato' Sri Eizlan Yusof melalui personal assistant (PA) beliau, dan mendapatkan kelulusan untuk menghubungi beliau melalui aplikasi WhatsApp.

10 JUN 2022-9:00 pagi

Menyiapkan proposal Mencari artikel dan maklumat mengenai tokoh

13 JUN 2022-10:45 pagi

Menyiapkan preliminary preparation, Menggunakan canva untuk menyiapkan preliminary preparation.

22 JUN 2022-3:00 petang

Menyiapkan soalan untuk sesi temubual, Membuat rujukan mengenai soalan-soalan yang sesuai ditanya semasa sesi temubual.

28 JUN 2022-2:00 petang

Penyelidik menghantar soalan temubual kepada tokoh untuk pengesahan supaya soalan tersebut bersesuaian dan mendapat persetujuan daripada tokoh tersebut. Soalan temubual dihantar kepada tokoh melalui WhatsApp.

3 JULAI 2022-10:30 pagi

Peringatan kepada Tokoh ,Penyelidik telah memberi pesanan kepada tokoh untuk mengingatkan tokoh supaya hadir dalam temubual yang akan dijalankan pada 4 Julai 2022. Penyelidik menghubungi tokoh untuk memberi peringatan mengenai tarikh temubual.

4 & 5 JULAI 2022-10:00 malam-1:30 pagi

Sesi temubual berjalan Temubual tokoh telah dijalankan oleh penyelidik pada tarikh 4 Julai 2022 pada pukul 10 malam sehingga 1:30 pagi melalui platform Google Meet. Sesi temubual berjalan melalui aplikasi Google Meet.

12 JULAI 2022-9:00 pagi

Menyiapkan artikel,penyelidik menyiapkan artikel yang disediakan untuk tokoh yang ditemubual. Tajuk artikel tersebut adalah ‘Ceritera Kerjaya Anak Seni Tanah Air: Biografi Dato’ Sri Eizlan Yusof’.

16 JULAI 2022-10:30 pagi

Menyiapkan transkrip

18 JULAI 2022-9:30 pagi

Menyiapkan diari kajian

3 OGOS 2022-11:30 malam

Penghantaran Tugas,Penyelidik menghantar tugas kajian secara softcopy kepada pensyarah melalui platform Google Classroom. Tugas tersebut merangkumi transkrip, artikel, dan rakaman temubual.

6 OGOS 2022 Penghantaran Tugas-11:30 malam

Penyelidik menghantar tugas kajian secara soft copy kepada pensyarah melalui platform Google Classroom dan juga hardcover. Tugas tersebut merangkumi transkrip lengkap.

11.5 Lampiran 4 – Gambar



